



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENDEKATAN DAKWAH DALAM MANUSKRIP SYAIR DAGANG***

**MOHD MUHAIMI BIN ABDUL RAHMAN**

**FBMK 2022 14**



**PENDEKATAN DAKWAH DALAM MANUSKRIP SYAIR DAGANG**

Oleh

**MOHD MUHAIMI BIN ABDUL RAHMAN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi syarat  
keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2022**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## **PENDEKATAN DAKWAH DALAM MANUSKRIP SYAIR DAGANG**

Oleh

**MOHD MUHAIMI BIN ABDUL RAHMAN**

**Januari 2022**

**Pengerusi : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

*Syair Dagang* merupakan sebuah syair keagamaan yang tergolong dalam syair berbentuk nasihat. *Syair Dagang* begitu popular dan seringkali dikaitkan dengan seorang sarjana, cendekiawan, ilmuan dan penyair yang tidak asing lagi, iaitu Hamzah Fansuri. Namun, *Syair Dagang* yang didokumentasikan di Malaysia masih kurang dikaji walaupun terdapat beberapa versi manuskrip *Syair Dagang* yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Kajian dilakukan untuk memenuhi tiga objektif. Objektif pertama ialah mentransliterasi manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). Objektif kedua ialah menganalisis pendekatan dakwah yang digunakan dalam manuskrip *Syair Dagang*. Objektif ketiga ialah merumuskan pendekatan dakwah dalam manuskrip *Syair Dagang*. Kajian menggunakan empat versi manuskrip *Syair Dagang*, iaitu *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160), *Syair Anak Dagang* (MSS 3862), *Syair Anak Dagang* (MSS 3303) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3532). Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) dijadikan sebagai manuskrip utama, iaitu sumber primer (manuskrip A) manakala tiga versi lain dijadikan sebagai manuskrip sampingan. Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada Rumi dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan dakwah menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah* *al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Ketiga-tiga pendekatan dakwah adalah berdasarkan dakwah Nabi Muhammad SAW sebagaimana terkandung dalam Surah *al-Nahl* (16:25). Dapatan mendapati bahawa manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3862) merupakan karya Hamzah Fansuri. Hasil kajian mendapati bahawa manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) merupakan sebuah karya yang mengisahkan tentang pengembaraan seorang sufi yang diriwayatkan sebagai dagang. Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) kaya dengan teladan, pengajaran, hukum-hakam dalam Islam, seperti rukun iman dan rukun Islam. Selain itu, *Syair*

*Dagang Adanya* (MSS 3160) kaya dengan ilmu-ilmu seperti syarat berniaga, syarat menjadi nakhoda dan syarat mencari jodoh. Nasihat-nasihat seperti nasihat buat anak, nasihat bersahabat dan nasihat agama dapat dijadikan sempadan supaya sasaran dakwah lebih berhati-hati dan berwaspada dengan tindakan yang dilakukan. Kesimpulannya, penyelenggaraan manuskrip berjaya merungkai pelbagai persoalan tentang manuskrip *Syair Dagang* dengan lebih menyeluruh, manakala analisis pendekatan dakwah menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren dapat menjelaskan tentang gaya persembahan dakwah yang baik dan menarik dalam *Syair Dagang*, sekali gus membantu keberkesanan penyampaian mesej dakwah. Keindahan dakwah Islam di samping nilai-nilai murni boleh digunakan sebagai panduan dalam menempuh kehidupan seharian.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PREACHING ISLAM THROUGH SYAIR DAGANG  
POETRY MANUSCRIPT**

By

**MOHD MUHAIMI BIN ABDUL RAHMAN**

**January 2022**

**Chairman : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

*Syair Dagang* is an Islamic devotional poem in advice form. This particular poem is very popular and often associated with Hamzah Fansuri, a scholar, intellectual, and famous poet. However, *Syair Dagang* is less used for research despite having a few versions of the manuscript in the National Library of Malaysia. This research was done to fulfil three objectives. The first objective is to transliterate the *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) manuscript. The second objective is to analyse the Islamic preaching method used in the *Syair Dagang* manuscript. The third objective is to summarise the preaching method in the *Syair Dagang* manuscript. The research uses four versions of the *Syair Dagang* manuscript, which are *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160), *Syair Anak Dagang* (MSS 3862), *Syair Anak Dagang* (MSS 3303) and *Syair Anak Dagang* (MSS 3532). In this research, *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) is used as the main manuscript, the prime source (Manuscript A). Meanwhile, the other three versions are used as supplementary manuscripts. The *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) manuscript was transliterated from Jawi script to Rumi script and analysed by using the preaching method according to the Da'wah Persuasion Model by Nor Raudah Siren, which are *al-hikmah*, *al-mawizah*, *al-hasanah* and *al-mujadalah*. All three preaching or da'wah methods are based on the teachings of Nabi Muhammad SAW as written in Surah *al-Nahl* (16:25). Findings suggest that only the *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) and *Syair Anak Dagang* (MSS 3862) manuscripts are the works of Hamzah Fansuri. The results of the study shows that *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) is a work that narrates the adventure of a Sufi traveller as a trader. *The Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) manuscript is rich with examples, lessons, and laws in Islam, such as the pillars of faith and Islam. The manuscript is also rich with knowledge regarding the laws of trade and business, being a captain and finding a life partner. Life lessons such as

advice for children, friendship advice, and religious advice are used as boundaries so that the da'wah is done carefully and cautiously with the actions taken. The maintenance of the manuscript successfully unraveled multiple questions about the *Syair Dagang* manuscript comprehensively, while analyses of the preaching method according to the Da'wah Persuasion Model by Nor Raudah Siren explain the good and attractive presentation manner of the preaching in *Syair Dagang*, thus helping the effectiveness of the preaching. The beauty of the Islamic da'wah coupled with good values can be used as a guide in daily life.



## PENGHARGAAN



Limpahan kesyukuran saya panjatkan kepada Allah SWT yang telah memberikan kekuatan, kesabaran dan kecelikan hati serta akal dalam melengkapkan tesis ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terhutang budi yang amat sangat kepada individu-individu berikut. Alhamdulillah, tesis ini dapat disempurnakan bagi memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Prof Madya Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad** selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, dan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu **Prof Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin** dan **Dr. Rozita binti Che Rodi** yang sentiasa tekun memberi bimbingan, tunjuk ajar, panduan dan semangat sehingga siapnya penulisan tesis ini. Pengkaji juga ingin menzahirkan ucapan yang sama kepada **Profesor Jelani Bin Harun, Prof Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud, Prof Madya Dr. Adi Yasran Bin Abdul Aziz, Prof Madya Dr. Mohd Zariat Bin Abdul Rani dan Dr. Halis Azhan bin Mohd. Hanafiah** yang menitipkan ilmu yang berguna.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman dan kakitangan Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perpustakaan Pendeta Za'ba, Universiti Malaya (UM) atas segala maklumat dan bantuan yang diperoleh. Terima kasih atas segala kenangan ini. Akhir kalam, semoga tesis ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

Wassalam.

**MOHD MUHAIMI BIN ABDUL RAHMAN**

Program PhD Kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
Serdang, Selangor Darul Ehsan.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 Januari 2022 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pendekatan Dakwah dalam Manuskrip *Syair Dagang*" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Zariat bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Jelani Harun, PhD**

Profesor  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**SITI SALWA ABD GANI, PhD**

Profesor Madya ChM. dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 1 Ogos 2022

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Rozita binti Che Rodi, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Ogos 2022

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama and No. Matrik: Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman, GS52270

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Salmah Jan binti Noor Muhammad

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Kamariah binti Kamarudin

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Rozita binti Che Rodi

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	2
	1.3 Objektif Kajian	14
	1.4 Kepentingan Kajian	14
	1.5 Skop dan Batasan Kajian	15
	1.6 Pemilihan Kajian	16
	1.7 Sinopsis <i>Syair Dagang</i>	16
	1.8 Definisi Operasional	21
	1.8.1 Syair	22
	1.8.2 Manuskrip	22
	1.8.3 Tradisional	23
	1.8.4 Dakwah Islam	23
	1.9 Kesimpulan	25
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	2.1 Pengenalan	26
	2.2 Kajian Berkaitan Transliterasi Genre Syair	26
	2.3 Kajian Berkaitan Pendekatan Dakwah	42
	2.4 Kajian Berkaitan dengan Syair Dagang	55
	2.5 Kesimpulan	56
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.1 Pengenalan	57
	3.2 Kaedah Kajian	57
	3.3 Kerangka Konsep Kajian	57
	3.4 Manuskrip	58
	3.4.1 Manuskrip A	59
	3.4.2 Manuskrip B	60
	3.4.3 Salasilah Versi Manuskrip yang Dikaji	61
	3.4.4 Pengarang Manuskrip	61
	3.4.5 Sistem Tulisan Jawi dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	62
	3.4.6 Sistem Transliterasi	63
	3.5 Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren	68
	3.5.1 Pembujukan Secara <i>Al-Hikmah</i>	71

3.5.2	Pembujukan Secara <i>Al-Mawizah Al-Hasanah</i>	76
3.5.3	Pembujukan Secara <i>Al-Mujadalah</i>	78
3.6	Kesimpulan	82
<b>4</b>	<b>TRANSLITERASI DAN ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH DALAM MANUSKRIP SYAIR DAGANG</b>	
4.1	Pengenalan	83
4.2	Transliterasi Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	83
4.2.1	Sastera Tulisan Jawi dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	83
4.2.2	Sistem Ejaan	97
4.2.3	Ejaan Lazim dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	100
4.2.4	Ejaan Mengikut Hukum dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	101
4.2.5	Sistem Perlambangan Huruf Vokal dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	104
4.2.6	Ejaan Kosa Kata Pinjaman Arab	106
4.3	Transliterasi Manuskrip <i>Syair Dagang Adanya</i> (MSS 3160)	110
4.4	"Dagang" dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	129
4.5	Hubungan <i>Syair Dagang</i> dengan Syair Karya Hamzah Fansuri	130
4.6	Analisis Pendekatan Dakwah dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i> Menurut Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren	130
4.6.1	Kaedah Dakwah <i>Al-Hikmah</i>	132
4.6.2	Kaedah Dakwah <i>Al-Mawizah Al-Hasanah</i>	162
4.6.3	Kaedah Dakwah <i>Al-Mujadalah</i>	174
4.7	Syarat Berniaga	199
4.8	Syarat Menjadi Nakhoda	201
4.9	Syarat Mencari Jodoh	206
5.0	Nasihat Buat Anak	202
5.1	Nasihat Bersahabat	208
5.2	Nasihat Agama	217
5.3	Kesimpulan	227
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	228
5.2	Rumusan Kajian	228
5.3	Interpretasi Dakwah Menggunakan Kaedah Dakwah 3B	230
5.4	Implikasi	232
5.5	Cadangan	233
5.6	Penutup	234

**RUJUKAN**  
**LAMPIRAN**  
**BIODATA PELAJAR**  
**SENARAI PENERBITAN**

235  
245  
264  
265



© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Latar Belakang Manuskrip	54
3.2	Bentuk Huruf Jawi Tambahan yang Disesuaikan dengan Huruf Arab	58
3.3	Senarai Huruf Jawi	59
3.4	Jadual Transliterasi	62
4.1	Bentuk-bentuk Huruf Jawi Tambahan yang Disesuaikan dengan Huruf Arab	79
4.2	Bentuk Penulisan Huruf <i>pa</i> (ڤا) dalam <i>Syair Dagang</i>	81
4.3	Bentuk Penulisan Huruf <i>kaf</i> (كاف) dalam <i>Syair Dagang</i>	87
4.4	Bentuk Penulisan Huruf <i>ga</i> (گا) dalam <i>Syair Dagang</i>	88
4.5	Bentuk Penggandaan atau Tanda Jamak (۲) dalam <i>Syair Dagang</i>	90
4.6	Bentuk Penggandaan Tidak Menggunakan Tanda Jamak (۲) dalam <i>Syair Dagang</i>	91
4.7	Perkataan yang Menggunakan Ejaan Tradisi	92
4.8	Perkataan yang Menggunakan Ejaan Tradisi dalam <i>Syair Dagang</i>	94
4.9	Ejaan Lazim yang Terdapat dalam <i>Syair Dagang</i>	95
4.10	Perkataan yang Dieja dengan Menggunakan Kaedah Hukum <i>kaf</i> (كاف) dan <i>ga</i> (گا) dalam <i>Syair Dagang</i>	96
4.11	Perkataan yang Menggunakan Kaedah Hukum Ha-Aha (ا-ا) dalam <i>Syair Dagang</i>	97
4.12	Perlambangan Huruf Vokal	99
4.13	Penggunaan Vokal ' [a] dalam Manuskrip <i>Syair Dagang</i>	99
4.14	Penggunaan Ejaan Kosa Kata Pinjaman Arab dalam <i>Syair</i>	101



## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Salasilah Versi Manuskrip A dan B	56
3.2	Model Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren	66
3.3	Model Pembujukan <i>Al-Hikmah</i> Secara Lembut	70
3.4	Model Pembujukan <i>Al-Hikmah</i> Secara Tegas	71
3.5	Model Pembujukan <i>Al-Maw'izah Al-Hasanah</i> Secara Halus	72
3.6	Model Pembujukan <i>Al-Maw'izah Al-Hasanah</i> Secara Terus-Terang	73
3.7	Model Pembujukan <i>Al-Mujadalah</i> Pendalilan Secara Rasional	75
4.1	Kerangka Asas Kaedah Dakwah Nor Raudah Siren	126
5.1	Model Kaedah Dakwah 3B	225

## SENARAI SINGKATAN

BAYU	Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu
BH	Berita Harian
DBK	Dasar Bahasa Kebangsaan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
ITBM	Institut Terjemahan Buku Malaysia
KITA	Institut Kajian Etnik
PD	Pusat Dokumentasi Melayu
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
SAW	<i>Sallallahu alaihi wasallam</i>
SD	<i>Syair Dagang</i>
SM	Sebelum Masihi
SWT	<i>Subhanahuwataala</i>
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UITM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPM	Universiti Putra Malaysia
ZA'BA	Zainal Abidin Ahmad



© COPYRIGHT UPM

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, pemilihan bahan, sinopsis *Syair Dagang* (SD), definisi operasional dan kesimpulan bab. Perbincangan tentang definisi operasional melibatkan makna syair, manuskrip, transliterasi dan dakwah Islam. Sinopsis *Syair Dagang* pula melibatkan ringkasan jalan cerita yang terdapat dalam manuskrip *Syair Dagang* yang telah ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada Rumi. *Syair Dagang* merupakan sebuah karya kesusasteraan Melayu tradisional bergenre sastera keagamaan, iaitu sastera Islam.

Karya sastera berbentuk puisi lebih mudah dikategorikan sebagai sastera Islam berbanding dengan bentuk atau genre lain (Ismail Hamid, 1995: 214). Sastera dalam bahasa Arab boleh didefinisikan sebagai “adab” yang terarah kepada pembentukan peribadi seseorang dengan sifat terpuji dan menghindari sifat yang tidak baik. Sastera Islam ialah gabungan dua perkataan yang membawa ungkapan indah dan gambaran atau perspektif Islam mengenai alam, kehidupan serta manusia (Siti Fatimah, 2019: 68). Oleh itu, sastera Islam merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia dan berbentuk lisan yang telah diadaptasikan dalam bentuk tulisan sebagai rujukan untuk tatapan masyarakat. Menurut Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman (2013: 179) *Syair Dagang* tergolong dalam syair berbentuk nasihat. Dalam catatan, manuskrip *Syair Dagang* ditulis pada malam Jumaat, iaitu *ketika bulan sedang mengambang* (Halaman 1: Rangkap 4). Manuskrip *Syair Dagang* telah dibeli oleh pengumpul manuskrip Melayu terkenal, iaitu Haji Wan Mohd Saghir pada 24 Jun 2002. *Syair Dagang* menceritakan tentang pengalaman pengembaraan seorang lelaki yang diriwayatkan sebagai “dagang”. Akibat kemiskinan, dagang terpaksa meninggalkan kampung halaman, keluarga dan saudara mara demi mengubah kehidupannya. Walaupun berat hati untuk meninggalkan mereka, dagang tetap tabah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang mendatang.

*Syair Dagang* bukan sahaja menceritakan tentang pengalaman pengembaraan seorang perantau, tetapi turut menyentuh tentang perilaku masyarakat yang ditemuinya ketika mengembara. Pengembaraan dagang digambarkan begitu mencabar dan memerlukan keimanan yang kukuh. Dengan iman yang teguh, matlamat dan hasil dakwah akan dapat dikecapi dengan jayanya. Sebaliknya, menurut Al-Habib Umar ben Hafiz (2019: 22), jika keimanan tersebut tidak teguh di dalam hati, maka natijah daripada dakwah yang terhasil tidak akan menjadi kukuh dan tidak membuahkan hasil sebagaimana yang diharapkan.

*Syair Dagang* diselitkan dengan pelbagai syarat atau petua seperti syarat berniaga, syarat menjadi nakhoda dan syarat mencari jodoh. Syarat-syarat ini boleh dijadikan panduan dalam menempuh kehidupan yang mendatang yang serba mencabar. Selain itu, *Syair Dagang* kaya dengan nasihat-nasihat seperti nasihat buat seorang anak, nasihat bersahabat dan nasihat agama. Nasihat agama sangat penting kerana dapat dijadikan sempadan kepada pembaca supaya lebih berhati-hati dan berwaspada dengan tindakan yang akan dilakukan. Dalam hal ini, *Syair Dagang* menjadi medium atau alat dakwah untuk menyebarkan ajaran Islam.

*Syair Dagang* menarik untuk dikaji kerana sesuai dijadikan sebagai medium untuk berdakwah kepada masyarakat. Didapati masyarakat Melayu memang mengenali puisi syair sebelum kedatangan Islam lagi (Abdul Rahman Keah: 1). Manuskrip *Syair Dagang* kaya dengan nilai-nilai murni, pengajaran, teladan, nasihat dan hukum-hakam dalam Islam. Kerendahan dan kesedaran yang menebal dalam diri dagang terhadap agama Islam memperlihatkan perilaku atau akhlak yang baik sebagai seorang manusia yang beradab, sopan santun, jujur dan amanah. Nilai-nilai sebegini wajar dijadikan panduan dan teladan kepada pembaca sebagai ikutan. Walaupun agama dan kesusasteraan merupakan dua perkara yang berbeza, namun kedua-duanya saling berkaitan antara satu sama lain. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala menggunakan daya kreatif dan imaginasi yang tinggi untuk menyampaikan sesuatu hasrat. Penerokaan dan penelitian manuskrip *Syair Dagang* dapat memberikan maklumat berguna tentang peranan manuskrip *Syair Dagang* terhadap dakwah dan perkembangan Islam. Justeru, kajian penting kerana dakwah melibatkan seruan untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, maka isi kandungan manuskrip *Syair Dagang* tentang pengembaraan seorang sufi menjadi tumpuan dalam mencapai matlamat dakwah. Selain mesej dakwah, pendekatan dakwah merupakan elemen penting dalam membantu khalayak memahami, mendalami dan menghayati mesej dakwah yang disampaikan dalam *Syair Dagang*.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Melalui penelitian dalam teks syair tradisional, Hamzah Fansuri merupakan pencipta syair tradisional bertemakan keagamaan yang proliflik. Pernyataan ini didasarkan kepada beberapa pendapat sarjana yang mengatakan bahawa hasil syair oleh Hamzah Fansuri sangat akrab dengan tema sebegini. Menurut Yatim (2000), Hamzah Fansuri merupakan penyair Melayu pertama menggunakan perkataan, ungkapan dan makna daripada al-Quran. Zakaria (2013) mengatakan bahawa perkataan "tamsil" menjadi simbol kepengarangan Hamzah Fansuri, iaitu simbol bicara, simbol pencari Tuhan dan simbol perjalanan menuju Tuhan dan kunci sejati menuju Tuhan yang ditekankan dalam *Syair Perahu*. Bagi A.Teeuw (2003) pula, syair-syair yang dihasilkan Hamzah Fansuri lebih menjurus kepada penggunaan bahasa Melayu berbanding dengan karyanya yang terdahulu yang menjurus kepada bentuk syair Arab seperti *Syarab al-Asyiqin*, *Asrar al-'Arifin fi Bayani Ilm 'al-Suluk wa al-Tauhid* dan *Kitab al-Muntahi*. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2003) menyatakan bahawa

Hamzah Fansuri adalah pencipta syair Melayu. Menurutnya, syair penyair ini telah diadaptasikan daripada puisi Arab dan telah dikembangkan oleh Hamzah Fansuri. Masyarakat Melayu dikatakan mula mengenali syair pada abad ke-17 Masihi, iaitu selepas bermulanya penciptaan dan pengembangannya oleh Hamzah Fansuri. Syair-syair Hamzah Fansuri menekankan rima akhir dalam bentuk yang seboleh-bolehnya sempurna. Perkataan syair yang digunakan juga sangat tepat dan sesuai supaya selari dengan bunyi irama dengan perkataan-perkataan asal Melayu yang lain. Contoh rangkap syair Hamzah Fansuri yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2003) boleh dilihat di bawah:

Minuman itu bukannya air,  
Mabuknya sangat terlalu bersyair,  
Setelah terminum fanalah sekelian ghair,  
Itulah pertemuan batin dan zahir.

(Sumber: Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1985: 54)

Terdapat pelbagai kajian yang telah menggunakan hasil ciptaan Hamzah Fansuri sebagai bahan kajian. Antara pengkaji yang telah mengkaji syair agama karya Hamzah Fansuri ialah Bunga Cindra Gassani (2021) dari Universiti Islam Negeri Sunan Gunung Djati dengan tajuk artikel "*Analisis Majas Metafora dan Personafikasi Pada Syair Perahu Karya Hamzah Fansuri*", M. Ahsin (2020) dengan kajiannya yang bertajuk "*Interpretasi Sufistik Atas Hadis Melalui Sastra dalam Syair Perahu Karya Hamzah Fansuri*", A. Hasjmy (2019) dengan "*Ruba'i Hamzah Fansuri Karya Sastera Sufi Abad XVII*", Zurina Abdullah, Farah Nur Rashidah dan Mohd Nazeer (2017) dengan artikel bertajuk "*Analisis Morfologi dalam Syair Perahu*" dan Silvia Sandi (2016) "*Studi Kelayakan Media Pembelajaran Syair Agama 'Perahu' Karya Hamzah Fansuri dalam Penanaman Pendidikan Moral*". Didapati bahawa pengkaji terdahulu kebanyakannya menggunakan syair agama, iaitu *Syair Perahu* karya Hamzah Fansuri sebagai sumber kajian.

Kajian oleh Bunga Cindra Gassani (2021) memfokuskan kepada aspek gaya bahasa metafora dan personafikasi yang terdapat dalam *Syair Perahu*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa *Syair Perahu* karya Hamzah Fansuri menggunakan beberapa gaya bahasa metafora dan gaya bahasa personafikasi untuk memberikan kesan keindahan, kata-kata dan makna kiasan yang mempunyai nasihat dan dakwah. Antara frasa dakwah yang diperoleh oleh pengkaji ini ialah "perahu", "bekal air dan kayu", "muara sempit", "ikan dan hiu", "ikan yang menyarang", "laut deras", "angin" dan "tenggelam". Elemen dakwah yang digunakan dalam *Syair Perahu* melibatkan penggunaan perkataan "perahu" yang merujuk kepada tubuh manusia yang diibaratkan sebagai pengalaman hidup yang banyak mengharungi kehidupan di dunia. "Bekal air dan kayu" merujuk kepada amalan atau iman dan taqwa agar dapat masuk ke syurga. "Muara sempit" pula merujuk kepada gambaran diri manusia yang perlu menempuh pelbagai kesulitan kehidupan sebagai proses untuk menjadi manusia yang lebih baik. Elemen dakwah "ikan dan hiu" merujuk kepada

rintangan-rintangan yang ada di dunia. “Ikan yang menyarang” pula bermaksud dalam kehidupan terdapat banyak masalah yang menyerang. “Laut deras” bererti kehidupan yang semakin banyak cobaan. “Angin” merujuk kepada kehidupan yang penuh cobaan dan semakin banyak ujian, manakala “tenggelam” bermaksud tidak boleh goyah atau tersesat dalam kehidupan dunia. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan elemen dakwah mampu menghidupkan suasana syair dan sekali gus dapat menarik minat dalam kalangan pembaca untuk mendalami serta menghayati mesej yang disampaikan oleh pengarang.

Kajian M. Ahsin (2020) juga selari dengan kajian Bunga Cindra Gassani (2021) dengan menekankan aspek pengisian hadis yang terdapat dalam *Syair Perahu*. Antara elemen dakwah yang diketengahkan ialah tentang keimanan, ilmu, amalan menuju akhirat, alam barzakh dan nilai Tauhid, iaitu dengan menekankan simbol “perahu”, “anak dagang”, “laut”, “pulau” dan sebagainya. Sementara itu, A.Hasjmy (2019) dalam penelitaannya tentang ajaran Wahdatul Wujud sebagai aliran tasawuf telah menggunakan kitab *Ruba’i Hamzah Fansuri* sebagai bahan kajian. Antara elemen dakwah yang diperoleh ialah dengan menyebut Allah sebagai mahbub (kekasih) dan dirinya asyik (perindu). Dengan mencintai Allah SWT sepenuh hati, orang akan rela mengorbankan apa sahaja dalam melaksanakan perintah-Nya.

Seterusnya, kajian oleh Zurina Abdullah, Farah Nur-Rashidah dan Ahmad Nazeer (2017) dengan tajuk “*Analisis Morfologi dalam Syair Perahu*” selari dengan kajian M. Ahsin (2020) dan kajian Bunga Cindra Gassani (2021) yang turut mengaitkan *Syair Perahu* dengan elemen dakwah seperti penggunaan istilah-istilah pelayaran yang diibaratkan seperti kehidupan dengan pelayaran sebuah perahu. Contohnya, penggunaan kata nama am “perahu” (R2B2), “dayung pengayuh” (R4B3), “sauh dan layar” (R5B2), “ikan dan hiu” (R6B3), “tali sauh” (R10B2) dan “anak dagang” (R8B1). Selain itu, karya Hamzah Fansuri juga menggunakan istilah bahasa Arab dan zikir-zikir sebagai dakwah seperti khalimah syahadah *La ilahailallahu* (R33B8), *Allahuakbar* (R24B3), *Subhanallah* (R24B4) dan *Wallahualam* (R25B1). Dapatan mendapati bahawa ketokohan Hamzah Fansuri sebagai cendekiawan bahasa Melayu bukan sahaja terserlah melalui penghasilan karya-karya sufi yang puitis, bahkan juga beliau mampu menterjemahkan ilmu dan dakwahnya melalui penggunaan bahasa yang baik sehingga mampu menandingi karya-karya selepasnya. Contoh petikan dalam teks (R24) yang menggunakan bahasa Arab dan zikir sebagai dakwah boleh dilihat di bawah:

Salat akan nabi tali bubutannya,  
Istigfar Allah akan layarnya,  
‘Allahu Akbar’ nama anginnya,  
Subhan Allah akan lajunya. (R: 24)

Kajian dakwah turut dilakukan oleh Imarasah Mutianingtyas (2020) dengan tajuk “*Semiotika dalam Syair Aho Segala Kita yang Bernama Insan karya Hamzah*”

*Fansuri*. Manuskrip yang digunakan merupakan sebahagian daripada *Ruba'i Hamzah Fansuri* dan kaya dengan elemen dakwah seperti "kerana di sana sekalian firman" yang merujuk kepada firman atau pesan daripada Allah SWT. Pengarang juga menggunakan perkataan "*iyani*" yang bermaksud mata atau pancaindera yang digunakan untuk melihat. Penggunaan perkataan "mata" telah dikaitkan dengan "mata hati" dalam memahami pesan-pesan yang terkandung di dalam al-Quran sehingga dapat menyedarkan manusia, menjadikan hati manusia lembut dan menghindarkan diri daripada jalan yang tidak dikehendaki manusia. Oleh itu, seseorang perlu membaca al-Quran dengan bersungguh-sungguh supaya pesan-pesan Allah SWT dapat dijadikan panduan dalam kehidupan. Selain itu, terdapat juga penggunaan perkataan "*faragh*" bermaksud selesaikan atau tinggalkan atau harus menjauhi hal-hal yang diharamkan oleh Islam, "*azhim*" bermaksud agung atau maksud lainnya sunat yang diajarkan Muhammad itu berasal dari ilmu yang agung, "*salim*" bermaksud selamat atau maksud lainnya ilmu yang agung akan menyelamatkan manusia, "*chakim*" bermaksud bijak atau ilmu yang diajarkan Muhammad itu membentuk perilaku yang bijak sebagai manusia, "*qandil*" bermaksud lampau atau ajaran Rasullullah Muhammad ada yang menyempurnakan ilmu yang ada sebelumnya dan membawa nasihat untuk hidup dengan lebih baik kelak, "*khalil*" bermaksud kekasih atau ketika manusia mengikuti ajaran Rasullullah maka ia akan dekat dengan Allah, "*ali*" bermaksud tinggi atau sebaik-baiknya hidup adalah mereka yang berada dalam kebaikan atau jalan Tuhan, "*sabil*" bermaksud jalan menuju Tuhan, "*ghalib*" bermaksud lumrah atau ilmu-Nya yang sangat banyak, "*gha'ib*" bermaksud tiada, "*da'im*" bermaksud selamanya. Perkataan "*gha'ib*" dan "*da'im*" pula merujuk kepada ucapan yang ingkar yang tidak mempunyai manfaatnya. Seterusnya, perkataan "*ta'ib*" bermaksud taubat atau ajaran al-Quran yang membawa suatu kaum menuju jalan taubat, "*dha'if*" bermaksud lemah atau manusia yang tidak mempunyai apa-apa di hadapan Tuhan, kecuali bersama amal ibadahnya, "*insan*" merujuk kepada umat pembaca dan "*lathif*" bermaksud rampas atau rebut atau maksud lainnya manusia mati tidak akan membawa harta yang telah dikumpulkan selama bekerja keras. Dapatan mendapati bahawa karya Hamzah Fansuri mengandungi pesan mendalam yang ditujukan kepada umat manusia khususnya yang beragama Islam.

Seterusnya, kajian dakwah turut dilakukan oleh Sayed Akhyar dan Andri Nirwana (2020) dengan tajuk kajian "*Pemikiran Tafsir Sufistik Falsafi Hamzah Fansuri tentang Tarikat dan Syariah*". Kajian bertujuan untuk menggali peninggalan karya-karya Hamzah Fansuri, iaitu *Zinatul Muwahhidin* dan memfokuskan bab pertama sahaja, iaitu *Fi Bayani al-'Amali Asy Syari'ati*. Bab ini mengetengahkan tentang perbuatan syariat yang merujuk kepada ucapan Nabi Muhammad SAW supaya umatnya membuat kebaikan dan meninggalkan larangan-Nya. Bagi Hamzah Fansuri, syariat merupakan rukun Islam yang meliputi elemen seperti syahadat, solat, puasa, zakat, dan haji. Dasar syariat pula terdiri daripada tiga perkara, iaitu sesuatu yang tiada larangan, sesuatu yang diperintahkan untuk meninggalkan atau melakukan akibat syara' seperti jual beli dan nikah dan syariat fardu. Seseorang akan selamat di dunia dan akhirat sekiranya mempunyai iman yang benar. Dapatan mendapati bahawa tarikat yang difahami Hamzah Fansuri adalah syariat Allah SWT dan contoh



yang wajar diikuti adalah Rasulullah Muhammad SAW. Syariat baginda adalah ucapan yang menyuruh membuat kebaikan dan meninggalkan larangan-Nya.

Alfariz, Rr.Yudiwara dan Lita Nurul (2020) turut meneliti aspek dakwah dalam karya Hamzah Fansuri dengan tajuk "*Konsep Diri Hamzah Al-Fansuri sebagai Refleksi Manusia di Masa Pandemi*". Konsep mengenali diri sendiri yang digunakan oleh Hamzah Fansuri merupakan salah satu cara untuk mengenal Tuhan. Penggunaan elemen dakwah dapat dilihat dengan penggunaan kalimat "nabi" dalam syairnya yang menyatakan "barangsiapa mengenal dirinya, maka ia mengenal Tuhannya". Konsep diri Hamzah Fansuri menjadi asas penting untuk memahami hubungan antara manusia dengan Tuhan. Selain itu, penggunaan elemen "perahu" dalam syairnya merujuk kepada kehidupan masyarakat Aceh yang menggunakan perahu sebagai alat pengangkutan. Perahu berfungsi sebagai alat untuk menghantar masyarakat setempat untuk berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Perahu diibaratkan seperti kehidupan manusia ketika di dunia dan melakukan perjalanan untuk kehidupan setelah mati. Syair karya Hamzah Fansuri turut menggunakan elemen "dagang", "anak dagang" dan "fakir" sebagai dakwah. "Fakir" merujuk kepada individu yang lebih mementingkan orang lain daripada dirinya sendiri. Seorang yang fakir beranggapan bahawa dirinya akan kembali kepada Tuhan. Perkataan "*al-Insan al-Kamil*", "*baqa*" dan "*fana*" turut menjadi elemen dakwah dalam karya Hamzah Fansuri. Orang "*kamil*" merujuk kepada manusia yang sempurna (orang suci) yang yakin menyatakan diri mati (*fana*) dan mendekati diri kepada Tuhan (*baqa*). Dapatan mendapati bahawa konsep diri Hamzah Fansuri kental akan tasawuf wujudiyah yang syarat dengan ketahanan manusia dalam menghadapi pelbagai cabaran atau cubaan dunia demi tujuan terakhir, iaitu kembali kepada Illahi.

Seterusnya, kajian dakwah turut dilakukan oleh Saparuddin Rambe (2019) dengan tajuk "*Tradisi Keulamaan (Biografi dan Pemikiran Hamzah)*". Kajian memperkatakan tentang beberapa karya Hamzah Fansuri seperti *Syarab al-Asyiqin*, *Asrar al-'Arifin fi Bayani Ilm 'al-Suluk wa al-Tauhid*, *Kitab al-Muntahi*, *Syair Si Burung Pingai*, *Syair Ikan Tongkol*, *Syair Perahu* dan *Syair Ruh Idafi*. *Syarab al-Asyikin* bermaksud minuman semua yang rindu. Risalah ini terdiri daripada 7 bab, iaitu bab 1-4 menceritakan tentang empat tahap ilmu, iaitu syariah, tarikat, hakikat dan makrifat serta Dzat Tuhan Yang Maha Tinggi. Bab 6 menceritakan tentang sifat-sifat Allah SWT manakala bab 7 menghuraikan tentang "*siyq*" dan "*syukr*". *Asrar al-'Arifin fi Bayani al-Suluk wa al-Tauhid* pula bermaksud rahsia orang-orang arif dalam menjelaskan ilmu suluk dan tauhid. Risalah ini terdiri daripada 15 bait puisi sufistik dan disertakan contoh bagaimana Hamzah Fansuri menggunakan syair sebagai medium dakwah. Kitab *al-Muntahi* pula bermaksud ufuk terjauh. Kitab ini menceritakan tentang penciptaan alam, bagaimana Tuhan memanipulasikan diri-Nya dan bagaimana upaya manusia untuk kembali ke asalnya. *Syair Ikan Tongkol* menceritakan tentang proses "*fana*" dan "*baqa*" serta tahap yang perlu dilalui oleh si salik menuju kesatuan wujud. *Syair Perahu* pula dikaitkan dengan dakwah kerana menceritakan tentang elemen "perahu" sebagai simbol kehidupan. Dapatan mendapati bahawa Hamzah Fansuri merupakan ulama sufi terkemuka Nusantara kerana

pemikiran tasawuf yang terkandung dalam karyanya menjadi batu loncatan kepada pemikir dalam lain mengembangkan syair Islam.

Selain kajian lepas yang menyentuh tentang syair yang dihasilkan oleh Hamzah Fansuri, terdapat satu lagi karya tanpa nama pengarang, iaitu *Syair Dagang*. Syair ini dikatakan mirip dengan penulisan karya Hamzah Fansuri. *Syair Dagang* seringkali dikaitkan dengan seorang sarjana, cendekiawan, sasterawan, pemikir, penulis, penyair dan juga ulama yang dilahirkan di Barus, Aceh, iaitu Hamzah Fansuri. Didapati bahawa jika disebut sahaja "*Syair Dagang*", terdapat kecenderungan pengkaji, penyelidik dan pakar-pakar manuskrip mengaitkannya dengan sarjana atau ilmuan terkenal tersebut. Harun Mat Piah (1997) telah menyenaraikan beberapa syair yang mempunyai nilai dan mutu penulisan yang tinggi daripada penulis terkenal, iaitu Hamzah Fansuri. Antaranya ialah *Syair Dagang*, *Syair Perahu*, *Syair Si Burung Pingai*, *Syair Sidang Fakir* dan *Syair Syarab al-Asyikin*. Zakaria (2013) pula telah menyenaraikan beberapa karya Hamzah Fansuri seperti *Syair Dagang*, *Syair Burung Pingai*, *Asrar al-Arifin* dan *Syarab al-Asyiqin*. Berikutnya, Zurina Abdullah (2017) telah menyenaraikan lapan karya Hamzah Fansuri seperti *Syair Dagang*, *Syair Burung Pingai*, *Syair Burung Pungguk*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Ikan Tongkol*, *Asrar al-Arifin*, *Sharab al-Asyikin* dan *Zainal Muwahidi*. Senarai manuskrip yang dikemukakan oleh Harun Mat Piah (1997), Zakaria (2013) dan Zurina (2017) didapati *Syair Dagang* begitu rapat dengan Hamzah Fansuri. Namun begitu, terdapat pengkaji yang tidak menyenaraikan *Syair Dagang* sebagai karya Hamzah Fansuri. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1970) menerusi bukunya "*The Mysticism of Hamzah Fansuri*" telah menyenaraikan tiga karya Hamzah Fansuri, iaitu *Asrarul Arifin*, *Syarabul Asyikin* dan *Al-Muhtadi*. Berbeza dengan Haryadi (2012) yang menyenaraikan enam karya Hamzah Fansuri seperti *Syair Perahu*, *Syair Burung Pingai*, *Anggur*, *Kekasih*, *Kapal dan Laut*, dan *Syair Bahr an-Nisa*. Hadi W.M (2019) pula telah menyenaraikan empat karya Hamzah Fansuri, iaitu *Asrarul Arifin*, *Syarabul Asyikin*, *Al-Muhtadi* dan *Ruba'i Hamzah Fansuri*. Berdasarkan senarai manuskrip yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1970), Haryadi (2012) dan Hadi W.M (2019), manuskrip *Syair Dagang* tidak disebutkan. Oleh itu, penelitian lanjutan diperlukan untuk meneliti *Syair Dagang* dan perlu dilakukan dengan lebih mendalam serta menyeluruh bagi mengenal pasti pengkaryanya.

Didapati ciri-ciri rima akhir yang terdapat pada syair yang dihasilkan oleh Hamzah Fansuri hampir sama dengan manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2003) struktur syair-syair Hamzah Fansuri juga lebih banyak menggunakan struktur huruf a-i seperti air, cair, ghazar, zahir, taksir, layar, bayar dan sebagainya. Polemik tentang syair karya Hamzah Fansuri berterusan sehingga terdapat beberapa sarjana mengemukakan ciri-ciri karya penulis tersebut. Abdul Hadi W.M. (2002), telah menyenaraikan enam ciri syair karya Hamzah Fansuri, antaranya ialah; (1) memiliki ciri-ciri yang menonjol; (2) menekankan kesedaran diri, iaitu kebebasan berdasarkan pengalaman peribadi; (3) menggunakan atau meletakkan namanya di dalam syair; (4) puisi sekadar ungkapan perasaan biasa yang berlaku dalam masyarakat; (5) menggunakan tema pencarian diri, menggunakan ungkapan-ungkapan al-Quran, tamsil, kata-kata Arab dan berkonsepkan sufi; (6) tamsil-

tamsil sufistik dan simbolik seperti lingkungan budaya masyarakat, lingkungan alam Nusantara dan pengalaman peribadi.

*Syair Dagang* diceritakan oleh pengarangnya dengan begitu menarik dengan meriwayatkan tentang seorang lelaki yang diriwayatkan sebagai “dagang”. Pengalaman pengembaraan dan peristiwa yang dilalui dagang digambarkan pengarang dengan menyelitkan pelbagai nasihat dan pengajaran. Berbeza dengan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1971) yang mengaitkan *Syair Dagang* dengan orang asing yang berdagang di rantau orang atau pedagang yang membawa barang dagangan dengan menggunakan sistem tukaran barangan atau sistem barter. Bagi Siti Hawa Haji Salleh (1994), *Syair Dagang* boleh dikaitkan dengan pengembara atau pelayar yang terdiri daripada golongan sufi yang belayar dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Berbeza dengan Hadi W.M (2002) yang mengaitkan *Syair Dagang* dengan konsep sufi tentang manusia di dunia yang hakikatnya merupakan orang asing atau gharib yang merantau untuk mengumpul bekalan amal soleh dengan melakukan amal ibadah yang akan dibawa ke akhirat.

Antara pengkaji awal yang dikenalpasti telah menggunakan *Syair Dagang* dalam penelitian ialah Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman (2013) dan Mira Fauziah (2013). Kajian Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman (2013) berfokuskan kepada bahan perbincangan, iaitu *Syair Dagang*. Mereka berpendapat bahawa *Syair Dagang* mempunyai tema keagamaan dan digunakan sebagai alat dakwah untuk menyebarkan agama yang perlu disampaikan kepada masyarakat. Hasil dapatan yang diperoleh berdasarkan kepada kaedah kepustakaan ini menunjukkan bahawa terdapat elemen agama yang seharusnya dimiliki oleh seseorang individu terutamanya kepada usahawan untuk berjaya dalam bidang yang diceburi dan mendapat hasil keuntungan yang tinggi serta memperoleh keredaaan Allah SWT. Elemen agama yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan akhlak yang memfokuskan kepada pembentukan keperibadian, ilmu dengan memanfaatkan kebijaksanaan, kekuatan spiritual dengan mendalami pengetahuan agama dan material yang dapat diuruskan dengan baik berlandaskan syariat agama. Selain itu, Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman (2013) juga menyatakan dalam kajian mereka bahawa *Syair Dagang* dapat dikaitkan dengan aktiviti muamalat, iaitu bidang perniagaan dengan perlu menguasai kemahiran pengurusan, teknikal dan mengetahui perkembangan sains dan teknologi agar berjaya dalam bidang perniagaan. Berdasarkan kepada dapatan kajian sarjana ini, dapat dikatakan bahawa kajian yang dilakukan adalah menumpukan kepada pembangunan sendiri usahawan walaupun terdapat aspek dakwah yang disentuh. Walaupun menggunakan versi yang sama dengan kajian ini, iaitu MSS 3160, Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman (2013) hanya memfokuskan pada satu halaman manuskrip sahaja, iaitu halaman tujuh yang berkaitan dengan keusahawanan dengan tujuan untuk berdakwah kepada golongan sasaran tetapi tidak menghuraikan secara mendalam tentang pendekatan dakwah yang digunakan dalam teks ini. Hal ini menjadikan dapatan kajian yang dilakukan tidak menyeluruh dan juga tidak mewakilkan mesej dakwah yang disampaikan oleh pengarang selain tidak memfokuskan kepada watak utama dalam manuskrip kerana penulis lebih menyesuaikan dengan

padanan masyarakat terkini dan menjadikan *Syair Dagang* hanya sebagai sumber pengukuhan sahaja.

Selain itu, Mira Fauziah (2013) pula memfokuskan kepada pengelompokan beberapa karya Hamzah Fansuri berbentuk syair seperti *Syair Dagang*, *Syair Burung Pingai*, *Syair Perahu*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Ikan Tongkol*, *Syair Perahu*, *Syair Burung Pungguk* dan *Thair al-uryan*. Mira Fauziah (2013) berpandangan bahawa *Syair Dagang* berbeza dengan syair-syair Hamzah Fansuri yang lainnya yang bersifat mistis dan melambangkan hubungannya dengan Tuhan dan manusia. Baginya, *Syair Dagang* menceritakan tentang kesengsaraan seorang anak yang hidup di perantauan dan elemen ini membuatkan para sarjana meragukan *Syair Dagang* sebagai karya Hamzah Fansuri. Menurut Mira Fauziah (2013), *Syair Dagang* dengan cerita yang mengisahkan kesengsaraan seorang anak yang hidup di perantauan. Baginya, dalam karya Hamzah Fansuri terdapat banyak kata-kata kesufian seperti *faqir*, *asyiq*, anak dagang, anak jamu, anak datu, anak ratu, orang uryani, ungas quddusi dan meletakkan nama peribadinya, iaitu Hamzah miskin dan Hamzah gharib.

“Hingga saat ini terdapat tiga risalah tasawuf dan 32 kumpulan syair Hamzah Fansuri yang dipandang asli. Namun demikian, masih ada kemungkinan karya Hamzah yang belum ditemukan dan tidak terindikasi yang tersimpan di perpustakaan Tanah Abee atau naskhah-naskhah tua yang tersebar di seluruh Aceh di rumah-rumah penduduk. Hal ini disebabkan banyak karya Hamzah yang dilarikan oleh pemerintahnya akibat kebijakan Sultan Iskandar Tsani dan al-Raniry yang memerintahkan untuk memusnahkan kitab-kitab yang berisi paham wujudiyah pada tahun 1637. Di antara karya Hamzah Fansuri yang berbentuk syair adalah *Syair Burung Pingai*, *Syair Dagang*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Ikan Tongkol*, *Syair Perahu*, *Syair Burung Pungguk* dan *Thair al'uryan*.”

(Sumber: Mira Fauziah, 2013: 298-299)

Seterusnya, Ihsan Shadiqin (2008) berpendapat bahawa penulisan manuskrip *Syair Dagang* bertujuan untuk penyebaran misi dakwah dan alat penyebaran agama Islam dalam kalangan masyarakat di sekitarnya. Menurutnya, terdapat banyak maklumat dan catatan yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu yang memeluk agama Islam akan mempelajari ilmu tasawuf. Berbeza dengan Hadi W.M (2003), yang mengaitkan syair-syair yang dihasilkan Hamzah Fansuri penuh dengan gaya dan kreativiti tersendiri dan menjadi bukti bahawa beliau merupakan seorang pengarang atau pendakwah yang berpandangan jauh dalam dunia penulisan. Kedua-dua pengkaji hanya menyatakan secara umum sahaja tentang karya Hamzah Fansuri dengan dakwah tanpa melibatkan penelitian terhadap manuskrip pengarang tersebut.

Seterusnya, menurut Mohd Yusof Md. Nor (2016) terdapat banyak hikayat Melayu lama telah ditulis kembali dalam bentuk syair dengan membawa pelbagai idea atau cerita yang berlarutan. Oleh itu, setiap rangkap syair yang dihasilkan mempunyai kaitan antara rangkap-rangkap yang lain. Pandangan ini selari dengan penelitian yang dilakukan terhadap manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang mempunyai hubung kait antara satu rangkap dengan rangkap yang lain dan mempunyai jalan cerita atau plotnya yang tersendiri. Jalan cerita atau plotnya bermula dari aspek permulaan, perkembangan dan kemuncak cerita atau klimaks. Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) bermula dengan menceritakan tentang seorang pedagang yang merantau atau berkelana (diriwayatkan sebagai dagang) dengan permulaan cerita yang sedih kerana terpaksa meninggalkan kampung halaman dan orang yang tersayang. Perkembangan cerita pula menceritakan tentang pengalamannya ketika merantau yang bertemu dengan masyarakat yang mempunyai pelbagai perilaku seperti berkelakuan buruk dalam urusan perniagaan dan melakukan perkara-perkara mazmumah. Kisah pengembaraannya diselitkan dengan pelbagai nasihat dan pengajaran yang berguna untuk dijadikan iktibar dan teladan. Jalan cerita Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang telah ditransliterasi selari dengan pendapat oleh Harun Mat Piah (1997) yang berpandangan bahawa *Syair Dagang* merupakan karya Hamzah Fansuri yang memperkatakan tentang filsafat kehidupan seorang manusia yang dilambangkan dengan anak dagang yang berada di tempat orang atau perantauan. Pelbagai rintangan dan cabaran yang dilalui oleh anak dagang tersebut.

*Syair Dagang* merupakan alat dakwah yang digunakan untuk menyebarkan agama Islam. Dalam syair tersebut terdapat pesan dakwah yang hendak disampaikan kepada pendengar atau *mad'u* (Mega Cynthia, 2020). Pesanan dakwah yang terdapat dalam *Syair Dagang* perlu diperhalusi sebaiknya dengan menggunakan pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah memainkan peranan yang penting supaya maklumat dakwah yang disampaikan pengarang dalam *Syair Dagang* mudah difahami dan dihayati sebaiknya. Pendekatan dakwah juga penting supaya maklumat dakwah yang terdapat dalam *Syair Dagang* menepati sumber asas dakwah dalam Islam, iaitu al-Quran dan sunah. Kedua-dua sumber dakwah yang digunakan merupakan saranan dakwah yang turut dilakukan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan alim ulama sehingga kini. Pendekatan dakwah menjadi alat untuk memandu pembaca dengan maklumat yang tepat selari dengan syiar Islam. Penggunaan pendekatan dakwah dalam *Syair Dagang* mampu memberikan penekanan terhadap mesej dakwah agar dakwah Islam yang disampaikan mampu membujuk khalayaknya untuk mengubah pemikiran dan tingkah laku supaya selari dengan kehendak Islam.

Menurut Abu Hassan Sham (1995), *Syair Dagang* kaya dengan nasihat, teladan dan pengajaran, hukum-hakam Islam dan perkara-perkara mahmudah. Penggunaan pendekatan dakwah dalam *Syair dagang* penting supaya perkataan-perkataan dakwah yang digunakan pengarang dapat dikelaskan mengikut kategori dakwah sama ada *al-hikmah* atau *al-mawizah al-hasanah* atau *al-mujadalah*. Pengelasan perkataan dakwah mengikut kategori akan memudahkan khalayak pembaca mengenali pasti sama ada pendekatan dakwah memberikan penekanan secara lembut atau keras. Pendekatan dakwah yang

digunakan juga penting supaya dapat menjentik hati *mad'u* dan mampu mengubah sasaran menjadi lebih baik, penuh cinta, kasih dan semakin dekat dengan Allah SWT. Syair agama merupakan syair yang menerangkan secara terperinci tentang sesuatu aspek yang berkaitan dengan nilai-nilai dan perlakuan yang berkaitan keagamaan (Abu Hassan Syam, 1995). Penggunaan pendekatan dakwah terhadap *Syair Dagang* akan memudahkan pemahaman khalayak terhadap agama Islam terutama berkaitan dengan nilai-nilai dan perlakuan yang berkaitan dengan unsur keagamaan. Pendekatan dakwah mampu mencerakinkan unsur-unsur pengajaran dan nasihat kepada masyarakat yang berkaitan dengan nilai-nilai agama. Contohnya, teknik-teknik pengajaran untuk meneladani ibu bapa dan guru yang bertujuan untuk meneladani Rasulullah SAW.

Kajian yang melibatkan *Syair Dagang* perlu dilakukan supaya dapat mengembalikan martabat serta fungsi manuskrip tersebut sebagaimana zaman kegemilangannya pada abad ke-16 dan abad-17 Masihi. Fungsi *Syair Dagang* sebagai alat untuk mendidik pihak pemerintah, masyarakat dan individu supaya berpegang teguh pada ajaran al-Quran dan sunah perlu dikembalikan. Selain itu, kajian melibatkan *Syair Dagang* penting supaya dapat dijadikan panduan dan alat untuk menyatukan seluruh umat manusia daripada berpecah belah yang berpunca daripada perbezaan gagasan atau daya fikir sehingga menimbulkan pelbagai konflik seperti konflik ekonomi, konflik politik dan konflik peradaban. Perbezaan gagasan dalam kalangan masyarakat telah menimbulkan perasaan iri hati sehingga membawa kepada perpecahan. Hal ini kerana Islam mementingkan perdamaian, cinta dan kasih sayang antara satu sama lain.

Seterusnya, kajian ini penting dilakukan untuk mengubah daya fikir manusia yang suka melakukan perkara mazmumah dan perkara mungkar. *Syair Dagang* menjadi panduan, teladan, pegangan dan ikutan para cendekiawan, ilmuan, agamawan dan ulama di Nusantara sejak dahulu lagi dalam menempuh kehidupan seharian. *Syair Dagang* juga penting untuk dikaji agar syiar Islam dapat disebarluaskan dalam kalangan masyarakat kerana Islam begitu mengambil berat akan kedamaian, cinta, kasih sayang, kebajikan dan nilai-nilai kemanusiaan. Berbeza dengan kebanyakan agama lain yang begitu lemah apabila melibatkan aspek kemanusiaan sebagaimana tercatat dalam sejarah lampau. Oleh itu, nilai-nilai murni berteraskan syiar Islam dalam *Syair Dagang* perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat dan seterusnya dapat membentuk daya fikir yang positif. Hal ini penting supaya syiar Islam dalam *Syair Dagang* yang penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan dapat diperjuangkan serta diketengahkan kembali kepada umat sejagat.

Kajian *Syair Dagang* perlu diketengahkan untuk menaikkan martabat Islam sebagai agama yang mementingkan perdamaian. Jalan penceritaan *Syair Dagang* sendiri penuh dengan nilai-nilai murni, kasih sayang dan sangat mementingkan hubungan tali persaudaraan atau silaturahmi. Contohnya, kasih sayang antara seorang ibu dan anak, kasih sayang seorang sahabat, kasih sayang antara keluarga, kasih sayang saudara mara dan sebagainya. Hal ini

selari dengan kandungan al-Quran yang begitu menekankan aspek kasih sayang antara Muslim, toleransi dengan agama lain dan anti kekerasan. Menurut Muhammad Atiullah (2020), ajaran Islam menyebut bahawa manusia adalah bersaudara, bukan sekadar bersaudara Muslim dengan Muslim, tetapi Muslim dengan non-Muslim turut dikira bersaudara, iaitu bersaudara atas dasar kemanusiaan. Berbeza dengan apa yang telah diperkatakan di media barat yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan di saat dunia dipenuhi dengan perang, kezaliman, pembunuhan dan penindasan. Islam adalah jawapan alternatif dalam merespons fenomena kekerasan, terorisme dan konflik yang muncul dalam beragam rupa (Gani, 2018). Oleh itu, kajian terhadap *Syair Dagang* menjadi titik permulaan dalam memperjuangkan kembali nilai-nilai kemanusiaan menerusi medium syair yang sekian lama diabaikan. Selain itu, *Syair Dagang* kaya dengan ilmu berkaitan makrifat Allah SWT. *Syair Dagang* memberikan kesedaran kepada khalayak pembaca tentang kebesaran Ilahi dan sekali gus dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT. *Syair Dagang* mampu mencuit hati pembaca dan khalayak kerana turut menyingkapi pelbagai masalah duniawi dan masalah yang melibatkan agama dengan cara yang lemah lembut, cinta, kasih dan sayang sebagaimana diterapkan dalam sufisme mengajarkan Islam.

Seterusnya, *Syair Dagang* menekankan aspek dakwah atau ikhtiar untuk meningkatkan kualiti dan jati diri umat supaya lebih berdaya saing, berilmu sebagaimana tiga nilai yang begitu ditekankan oleh golongan sufi, iaitu ikhlas melakukan sesuatu sama ada ibadat atau kerja lain, sabar dalam menempuh cabaran dan dugaan, dan yakin akan kebesaran Allah SWT. Menurut A. Gani (2018), sufisme merupakan ikhtiar untuk meningkatkan kualiti diri menjadi peribadi yang unggul (*khaira ummah*), nilai-nilai yang diajarkan seperti keikhlasan, kesabaran dan optimisme. Tiga nilai sufisme ini wajar diangkat sebagai ikhtiar untuk meningkatkan kualiti peribadi Muslim yang unggul, berketerampilan dan berdaya saing demi kemajuan ummah. Nilai-nilai ini juga wajar dijadikan panduan dalam menempuh akhir zaman yang serba mencabar dan penuh kemungkaran seperti fitnah, penipuan dan kezaliman.

Keterbatasan penelitian terhadap *Syair dagang* menunjukkan bahawa *Syair Dagang* memerlukan pengkajian serius dan perlu diketengahkan. Dakwah kepada Islam tidak mungkin boleh dilakukan oleh golongan yang tidak memahami as-sunah dengan disiplin keilmuan yang betul (Asri Zainul Abidin, 2020). Pemahaman terhadap as-sunah penting supaya kajian tidak tersasar daripada landasan dakwah yang sebenar. Oleh itu, tafsiran dakwah dalam manuskrip *Syair Dagang* akan diteliti dengan menggunakan pendekatan dakwah, iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2015), pendekatan dakwah, cara dakwah atau *uslub* dakwah terdiri daripada tiga cara, iaitu *uslub al-hikmah*, *uslub al-mawizah al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Pendekatan dakwah merupakan asas dakwah Nabi Muhammad SAW berdasarkan Surah *al-Nahl* (16:125). Menurut Al-Habib Umar ben Hafiz (2019), para rasul telah membawa cahaya yang jelas, manhaj yang lurus dan syariat yang agung. Setiap rasul diutuskan mengikut peredaran masa dan zaman, sehinggalah disempurnakan oleh makhluk terbaik dan paling mulia, iaitu Nabi Muhammad SAW. Mengkaji pendekatan dakwah merupakan perkara

yang sangat penting supaya risalah dakwah yang disebarkan menepati pendekatan dakwah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Pemilihan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh dakwah adalah bersesuaian dengan ketokohan baginda yang unggul dan merupakan makhluk terbaik sepanjang zaman. Menurut Kamilin Jamilin (2020), inilah insan yang Allah SWT jadikan sebagai *qudwah* (teladan), *uswah* (contoh) kepada kita semua untuk dicontohnya segenap kehidupan kita, bukan sekadar urusan amal ibadah, bahkan jua dalam seluruh jalan kehidupan kita.

*Syair Dagang* penting sebagai alat dakwah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan agama Islam. Ilmu pengetahuan tentang Islam dapat disalurkan kepada masyarakat menerusi penulisan yang kreatif seperti *Syair Dagang*. Menurut Md. Saidin dan Mus Chairi (1996), kegiatan penulisan sama ada kreatif atau tidak dapat membantu idea-idea dan pemikiran serta ilmu tersebar dengan meluas. Manuskrip *Syair Dagang* penting kerana kaya dengan nilai-nilai murni, pengajaran, teladan, nasihat dan hukum-hakam dalam Islam. Penelitian terhadap *Syair Dagang* sangat penting sebagai alat dakwah untuk tatapan generasi akan datang. Hasil penelitian mendapati bahawa masih tiada pengkaji yang melakukan kajian berkaitan pendekatan dakwah yang melibatkan manuskrip *Syair Dagang*. Sebaliknya, kebanyakan pengkaji lebih gemar menggunakan manuskrip *Syair Perahu* sebagai bahan kajian. Kerendahan dan kesedaran diri yang menebal terhadap agama Islam memperlihatkan perilaku atau akhlak yang baik sebagai seorang manusia yang beradab, sopan santun, jujur dan amanah. Nilai-nilai murni yang diketengahkan penting kerana dapat dijadikan panduan dan teladan kepada pembaca sebagai ikutan.

Pendekatan dakwah yang digunakan bertepatan dengan gaya penulisan *Syair Dagang* yang kaya dengan nasihat, misi dakwah, persoalan nilai-nilai agama dan alat menyebarkan dakwah. Penggunaan pendekatan dakwah *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasanah* dan *al-mujadalah* mampu memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada khalayak. Pendekatan dakwah menjadikan teks *Syair Dagang* yang disampaikan pengarang menjadi semakin mudah difahami dengan pengelasan aspek seperti akidah, syariah atau ibadat, akhlak dan isu semasa. Keseluruhan aspek agama yang diperkatakan sesuai dengan tuntutan dan pemikiran dakwah Islam, iaitu sufisme yang menjunjung tinggi nilai akhlak seseorang untuk mencapai tahap peribadi yang luhur. Peribadi Muslim yang mempunyai nilai akhlak yang mulia selari dengan peribadi junjungan besar Rasulullah SAW. Mereka yang berpegang teguh dengan ajaran Islam pasti akan berusaha menghindar diri daripada melakukan dosa walaupun sekecil zarah dan akan berusaha menghindar diri daripada melakukan kezaliman kerana mereka mengetahui dosa boleh mengotorkan hati seseorang dan mencemarkan batiniah. Pendekatan dakwah yang diterapkan dalam *Syair Dagang* juga mengajarkan khalayak akan penghargaan terhadap tali silaturahmi sesama makhluk Allah SWT tanpa membezakan latar belakang, status sosial, suku, agama dan sebagainya sebagaimana yang dilalui seorang dagang dalam pemujaannya menerusi *Syair Dagang*. Oleh itu, kajian tentang manuskrip *Syair Dagang* perlu dicerakinkan dengan menggunakan pendekatan dakwah. Justeru, kajian akan mendalami manuskrip *Syair Dagang* bagi menjawab beberapa persoalan, iaitu:



### 1.3 Objektif Kajian

Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mentransliterasi manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160).
2. Menganalisis pendekatan dakwah yang digunakan dalam manuskrip *Syair Dagang*.
3. Merumuskan pendekatan dakwah dalam manuskrip *Syair Dagang*.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Manuskrip Melayu merupakan lambang keunggulan dan kehebatan daya fikir masyarakat Melayu terdahulu. Sebelum wujudnya sistem tulisan, masyarakat Melayu telah menggunakan tradisi lisan sebagai alat komunikasi dan perkembangan ilmu. Perkembangan ilmu telah berubah daripada tradisi lisan kepada penggunaan manuskrip Melayu. Kajian memainkan peranan yang penting kepada pelbagai golongan seperti pelajar, masyarakat, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dan negara.

Kajian penting kepada pelajar-pelajar di pelbagai peringkat, sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kajian berupaya meningkatkan lagi kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar, meningkatkan kemahiran penggunaan ejaan Jawi, memberikan pendedahan tentang tatacara transliterasi dan memudahkan pelajar memahami teks manuskrip Melayu serta membuat analisis teks. Selain itu, kajian diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pengkaji manuskrip di universiti-universiti tempatan dalam melakukan kerja-kerja penyelidikan.

Seterusnya, kajian penting kepada masyarakat dalam mengangkat martabat kedudukan manuskrip Melayu sebagai ilmu persuratan Melayu. Pendedahan tentang manuskrip dari awal dapat membuka pintu hati masyarakat dan sekaligus dapat menarik minat masyarakat daripada pelbagai golongan usia, sama ada muda atau tua. Selain itu, kajian juga dapat memberikan rangsangan atau motivasi kepada masyarakat supaya lebih dinamik dalam meneroka dan mengkaji ilmu-ilmu berkaitan manuskrip. Kajian juga dapat memberikan pelbagai maklumat dan informasi dakwah kepada masyarakat dan para da'i tentang pendekatan dakwah Islam. Hal ini sekaligus membantu mereka menyusun perancangan dakwah dengan lebih sistematik dan sempurna. Kajian diharapkan dapat dijadikan panduan kepada masyarakat supaya mempergiatkan lagi kerja-kerja dakwah dengan menjadikan al-Quran serta hadis sebagai rujukan.

Berikutnya, kajian penting kepada universiti-universiti tempatan untuk bersaing dengan universiti di peringkat antarabangsa dan menaikkan lagi kedudukan ranking universiti. Kesedaran tentang kepentingan manuskrip dalam kalangan pentadbir universiti pasti akan merencanakan lagi perkembangan ilmu berkaitan

manuskrip Melayu dan seterusnya menjadi tumpuan universiti antarabangsa untuk bekerjasama dan menggali ilmu-ilmu manuskrip dengan lebih mendalam. Hal ini akan menyemakkan lagi dunia penyelidikan manuskrip-manuskrip Melayu di Malaysia, Nusantara dan dunia.

Seterusnya, kajian penting kepada negara kerana mampu menaikkan lagi martabat negara di mata dunia dan berupaya menaikkan martabat bangsa Melayu sebagai bangsa yang unggul yang menguasai pelbagai bidang ilmu sejak dahulu lagi. Selain itu, kajian juga dapat dijadikan pedoman kepada para pemimpin negara dan kerajaan tentang ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pemimpin sebelum memegang amanah sebagai ketua negara. Hal ini penting kerana kepimpinan yang baik mampu membawa hala tuju sesebuah negara yang maju, cemerlang dan gemilang.

### **1.5 Skop dan Batasan Kajian**

Pengkajian ini akan menggunakan empat versi manuskrip *Syair Dagang* sebagai rujukan, iaitu *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160), *Syair Anak Dagang* (MSS 3303), *Syair Anak Dagang* (MSS 3532) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3862). Manuskrip dibahagikan kepada dua kategori, iaitu manuskrip A (utama) dan manuskrip B (pelengkap). Manuskrip A (utama) merujuk kepada manuskrip yang berfungsi sebagai subjek kajian, iaitu manuskrip *Syair Dagang Adanya* dengan kod (nombor katalog) MSS 3160. Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) tidak dicatatkan sebarang maklumat tentang kepengarangannya. Manuskrip ini telah dibeli oleh Haji Wan Mohd Shaghir pada 24 Jun 2002 dan boleh diperolehi untuk tujuan rujukan pada jilidan bernombor [10] ff di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) akan dikelaskan sebagai manuskrip A (utama) dan akan dijadikan pegangan utama. Selain itu, tiga lagi versi manuskrip *Syair Dagang* ialah *Syair Anak Dagang* (MSS 3303), *Syair Anak Dagang* (MSS 3532) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3862). Ketiga-tiga manuskrip tersebut akan dijadikan sebagai sumber rujukan pelengkap dan akan dikelaskan sebagai manuskrip B. Kesemua manuskrip ini disimpan di bawah jagaan pihak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur.

Pemilihan sesebuah manuskrip yang dikaji adalah berdasarkan kepada kesempurnaan dari aspek isi teks, tulisan, bahasa dan keadaan manuskrip. Manuskrip yang paling sempurna keadaannya, mempunyai kandungan teks yang paling lengkap serta mudah dibaca merupakan kriteria utama pemilihan manuskrip A. Maklumat dan keterangan ringkas tentang manuskrip *Syair Dagang* akan dicatat berdasarkan katalog yang disediakan. Maklumat manuskrip meliputi judul manuskrip, nombor manuskrip, ukuran manuskrip, identiti pengarang atau penerbit, jumlah halaman, keadaan manuskrip, kolofon, usia manuskrip, bentuk tulisan dan sebagainya. Manuskrip akan melalui proses penyenggaraan. Manuskrip terbaik, iaitu manuskrip A akan ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi. Seterusnya, manuskrip A yang telah ditransliterasi akan disusun mengikut susunan syair

yang mempunyai empat baris dalam satu rangkap. Berikutnya, proses penggantian aksara atau huruf yang lebih terkini dan dikenali oleh masyarakat masa kini akan dilakukan. Proses penggantian aksara meliputi proses pembetulan ejaan, proses meletakkan tanda baca, noktah, koma, tanda tanya, tanda seru dan sebagainya mengikut kesesuaian teks.

## 1.6 Pemilihan Kajian

Seseorang pengkaji perlu mengetahui beberapa aspek sebelum memilih manuskrip. Pemilihan manuskrip yang baik merupakan aspek yang penting supaya kerja-kerja penyelidikan berjalan lancar. Antara aspek yang perlu diberikan perhatian sebelum memilih manuskrip ialah meneliti isi teks, jenis tulisan, bahasa dan keadaan manuskrip. Keadaan manuskrip yang sempurna, mempunyai isi teks yang lengkap dan mudah untuk dibaca merupakan kriteria utama dalam perbincangan. Pemilihan manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS3160) sebagai manuskrip A dan dijadikan sebagai bahan perbincangan utama adalah disebabkan faktor isi teksnya yang paling lengkap, sempurna dan mudah dibaca. Manuskrip A agak unik kerana ditulis dalam bentuk prosa serta memiliki jalan cerita yang sangat menarik dengan pelbagai plot penceritaan. Tulisan tangan yang digunakan juga berkeadaan kemas dan mempunyai saiz tulisan yang standard. Selain itu, ayat yang digunakan adalah lebih mudah untuk difahami berbanding dengan manuskrip versi lain. Namun begitu, terdapat beberapa perkataan yang sukar dikenal pasti kerana terdapat penggunaan kata pinjaman dalam bahasa Arab dan terdapat beberapa tulisan yang kurang jelas (rosak) akibat dimakan serangga perosak yang dikenali sebagai 'bubuk'.

Manuskrip *Syair Dagang* versi lain seperti *Syair Anak Dagang* (MSS 3862), *Syair Anak Dagang* (MSS 3303) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3532) akan dikelaskan sebagai manuskrip B. Pengkelasan dibuat kerana tulisannya agak sukar untuk dibaca berbanding dengan manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS3160). Ketiga-tiga manuskrip B yang diperolehi agak sukar untuk diteliti dan difahami berbanding manuskrip A. Oleh itu, manuskrip B akan dijadikan sebagai sumber rujukan pelengkap bagi manuskrip A.

## 1.7 Sinopsis *Syair Dagang*

*Syair Dagang* dimulakan dengan ucapan "*Bismillah*" dan puji-pujian kepada Allah SWT. Cerita dimulakan dengan perasaan rendah diri pengarang dengan menggambarkan dirinya sebagai seorang fakir yang sedang mengarang syair. Pengarang telah berusaha keras untuk menyiapkan syair ini tanpa mengira waktu sama ada siang atau malam. Manuskrip mula ditulis dengan menggunakan dakwat yang dibuat daripada damar, iaitu bahan berupa getah yang diperolehi daripada beberapa jenis pokok. Kalamnya pula dibuat daripada akar pokok. Syair telah dikarang ketika pengarang sedang merantau dan berada dalam keadaan duka cita, susah hati, murung dan sedih. Syair telah dikarang pada malam Jumaat, iaitu ketika lewat malam (bulan sedang

mengambang sehinggalah awal pagi). Pengarang memohon maaf jika terdapat kekurangan pada syair yang ditulis kerana pengarang merupakan orang baharu dalam dunia penulisan. Pengarang juga memohon maaf kerana tidak berupaya menghasilkan syair yang terbaik kerana terlalu sibuk dengan kerja-kerja yang tidak dapat dielakkan. Pengarang menyerah sepenuhnya kepada takdir Allah SWT dalam menyiapkan syairnya kerana setiap pekerjaan memerlukan keikhlasan dan kesungguhan. Pengarang dengan rendah diri mengingatkan pembaca supaya menegur penulisannya jika terdapat sebarang kekurangan.

Syair meriwayatkan tentang seorang dagang miskin yang hidup dalam serba kekurangan. Akibat tidak mempunyai wang, sahabat yang rapat dengannya telah menjauhkan diri. Ikatan persahabatan yang dahulunya rapat menjadi semakin renggang. Para sahabat dan saudara terdekat juga tidak ingin berkawan dan mendekatinya. Keadaan ini menyebabkan hati dagang menjadi tidak menentu dan hilang arah. Kesusahan yang dialami dagang dilalui keseorangan tanpa bantuan orang lain. Kebimbangan yang dirasakan dagang kian memuncak. Akibat terlalu kecewa, dagang telah meninggalkan tempat tinggalnya dan membawa diri ke Tanjung Jati. Ketika di Tanjung Jati, dagang telah menjala ikan. Jala dipikul dengan penuh harapan dan kesungguhan. Hasil tangkapan ikan yang diperoleh tidak mampu mengkayakannya. Cabaran dan dugaan yang dilalui oleh dagang begitu berat. Dagang berada dalam keadaan kebingungan kerana tidak mempunyai sebarang harta, hidup sebatang kara, tidak mempunyai duit, dan hanya berseluar pendek buruk.

Dagang berada dalam keadaan duka lara dan sedih kerana terpaksa berjauhan dengan saudara mara, dan tinggal berkeseorangan di perantauan. Dagang mengenangkan akan nasibnya yang terpaksa meninggalkan kampung halaman, tidak mempunyai ibu bapa (yatim piatu), hidup dalam serba kekurangan, tidak berduit, dan miskin. Keadaan ini menyebabkan dagang sering dihina dan dipandang serong. Dagang berasa sangat sedih apabila mengenangkan akan nasibnya yang terpaksa melakukan kerja-kerja berbahaya demi mendapatkan sedikit habuan. Namun begitu, dagang telah diselamatkan oleh Allah SWT daripada bencana yang boleh membawa maut.

Dagang semakin miskin dan tidak berharta. Dagang mengakui bahawa dirinya hanyalah berpendidikan rendah. Namun begitu, dagang tidak pernah berkasar bahasa dengan ibunya. Dagang menganggap kehidupan mudanya adalah dusta dan hanya Allah SWT yang kekal selama-lamanya. Dagang menasihati orang muda yang kaya dan berkedudukan supaya menghormati kedua ibu bapa kerana mereka akan menjadi teman di hari akhirat kelak. Dengan ketaatan dan kepatuhan kepada ibu bapa, segala urusan akan dipermudahkan oleh Allah SWT. Jasa dan pengorbanan seorang ibu begitu besar sehingga sanggup menahan sakit dan perih ketika mengandungkan anaknya. Anak ini dipelihara ketika berada di dalam perut lagi. Saat mengandung sepuluh bulan, seseorang ibu mengalami pelbagai simptom seperti hilang selera makan, lutut menjadi berat dan urat perut bersimpul. Di saat petir dan guruh, ibu akan melabuhkan kelambu dan dibukakan tabir supaya si anak dapat tidur dengan

lena. Di saat sakit, ibulah yang akan memandikannya. Ketika masih kanak-kanak dan sedang lena, seorang ibu sanggup berjaga malam demi mencari rezeki. Begitulah pengorbanan seorang ibu dalam memelihara anaknya dari kecil sehinggalah dewasa, diibaratkan seperti seorang raja. Ibu juga memberi tunjuk ajar kepada anaknya tanpa mengira jantina. Sebagai seorang anak, dagang menasihati supaya tidak sesekali menderhakai dan melawan kata-kata seorang ibu. Kebahagiaan tidak dapat dikecapi jika amanat ibu bapa tidak diikuti. Seorang ibu sanggup bekerja keras demi mencari sesuap nasi dan semata-mata ingin membesarkan anaknya. Pengorbanan seorang ibu terhadap anak bagaikan “menatang minyak yang penuh”. Namun begitu, pengorbanan ibu tidak dihargai, arahan diingkari dan diderhakai. Walaupun seseorang anak sentiasa beribadat, ibu bapa perlu dijaga dan tidak menderhakainya. Hal ini kerana kehidupan hanyalah sebuah lakonan. Seseorang yang menderhakai ibu akan ditimpakan pembalasan neraka dan azab yang pedih. Oleh itu, nasihat ibu yang baik perlulah didengar dengan teliti, dipatuhi, dan tidak sesekali bercakap kasar.

Dagang berasa resah dan risau apabila melihat ramai yang melakukan perkara-perkara mazmumah seperti judi dan zina. Perlakuan ini dilakukan oleh mereka yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia, sama ada muda atau tua. Judi dan zina dijadikan sebagai sumber pendapatan harian mereka. Aktiviti judi dan zina memberikan pulangan yang menguntungkan. Harta daripada sumber yang tidak halal seperti judi dan zina akan menghilangkan keberkatan dan membawa kemudharatan. Dagang menasihati masyarakat supaya memperbanyakkan amal soleh, muhasabah diri, mencari rezeki yang halal, menjauhi aktiviti judi dan sabung ayam supaya tidak menyesal di kemudian hari.

Seterusnya, dagang telah ditimpa musibah disebabkan perbuatan fitnah. Akibat fitnah, anak kepada dagang telah ditimpa musibah yang sangat dahsyat. Digambarkan keadaan anak dagang yang hampir dijual dijumpai dalam keadaan tidak berpakaian, hilang selera makan dan berkeadaan lemah. Anak dagang juga telah lumpuh dan tidak mempunyai kekuatan. Dagang telah menangis dan sedih apabila tiada sesiapa pun yang sudi menolongnya walaupun telah meminta pertolongan daripada pelbagai pihak. Dagang mengandaikan bahawa jika dirinya kaya dan mempunyai duit, pasti ramai sahabat mendekatinya, dan pasti rumahnya akan sering dikunjungi. Malah, ketika sakit sekalipun pasti akan ada yang datang untuk mengubatinya. Dagang menganggap dugaan ini sebagai ujian daripada Allah SWT. Dagang hanya mampu berdoa memohon pertolongan daripada Allah SWT yang Maha Kaya. Kesan daripada perbuatan fitnah, dagang terpaksa menjual semua hartanya demi menyelamatkan anaknya.

Dagang menganggap bahawa kejadian yang berlaku adalah disebabkan kurangnya daya fikir anaknya sendiri. Anaknya mudah terpengaruh dengan perbuatan orang kafir. Kesannya, tinggallah anaknya keseorangan seperti seorang musafir. Dagang menasihati anaknya supaya tidak melakukan fitnah dan tidak terikut-ikut dengan percakapan orang lain kerana akibatnya sangat

besar. Bagi dagang, apabila ditimpa kesusahan, tiada orang yang akan datang membantu. Keperitan dan kesusahan yang ditanggung dagang begitu berat seperti terpaksa berhutang, berusaha mencari wang dan mengalami sakit-sakit pada badan demi mengubati anaknya yang sakit. Akibat terlalu miskin, dagang tidak mempunyai harta pusaka untuk diberikan kepada anak dan cucunya. Bagi dagang, harta pusaka adalah tidak penting. Perkara yang lebih penting adalah pengorbanan terhadap orang tua yang akan menjadi bekalan yang paling sempurna dengan izin Allah SWT yang Maha Pemurah. Harta pusaka yang banyak, jika ditinggalkan akan habis jua dalam masa yang singkat.

Dagang turut menyenaraikan beberapa ciri calon isteri untuk anaknya. Ciri-ciri ini penting, demi kebahagiaan dan masa depan anaknya. Pertama, orang itu hendaklah berbangsa. Kedua, mempunyai duit, dan ketiga, berbudi bahasa. Jika tiada salah satu ciri yang disenaraikan, maka dagang menasihati supaya tidak perlu berangan-angan untuk berkahwin dengan anaknya. Bagi dagang, kebahagiaan sukar dicari jika syarat yang disenaraikan tidak dapat dipenuhi. Dagang turut memperihalkan tentang pentingnya menyimpan emas dan perak kerana kehidupan akan lebih bahagia. Tanpa emas, kehidupan akan dipandang serong oleh masyarakat. Emas dan perak perlu dicari kerana musibah atau sakit boleh berlaku pada bila-bila masa.

Dagang meriwayatkan tentang perlunya mengikut arahan ketua. Syair yang diriwayatkan ini diberikan nama "*faidad bai'a*" yang bermaksud pengakuan sumpah setia kepada seseorang yang diberikan kuasa. Ketua ketika berperahu ialah nakhoda manakala ketua sesebuah negeri ialah raja. Nakhoda memainkan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan anak kapal supaya sentiasa selamat. Nakhoda dan anak buah saling memerlukan antara satu sama lain. Terdapat empat isyarat untuk menjadi seorang nakhoda yang baik, iaitu sabar, murah, suka dan duka. Nakhoda merupakan ketua yang perlu dihormati kerana setiap suka dan duka perlu dilalui bersama. Perasaan marah juga perlu dihindari supaya tidak berlaku perselisihan faham antara satu sama lain. Tutur kata seorang nakhoda perlu dijaga supaya dihormati oleh orang lain. Perilaku seorang nakhoda seperti bercakap dusta dan memaki hamun juga perlu dielakkan.

Seterusnya, dagang meriwayatkan tentang rukun-rukun dan syarat-syarat untuk melakukan perniagaan. Terdapat empat syarat untuk menjadi seorang peniaga, antaranya ialah cerdik, cepat, jujur dan amanah. Jika dapat mendalami keempat-empat syarat ini, perniagaan pasti berjaya walaupun di mana berada. Jika meninggalkan salah satu syarat berniaga, maka perbuatan seseorang peniaga itu adalah tidak sempurna. Setiap perlakuan seperti tutur kata yang kasar, menipu dan mempermainkan pembeli hendaklah di jauhi supaya kepercayaan dan ketidaktentuan orang ramai dapat dihindari. Ketidaktentuan orang ramai akan menyukarkan perniagaan. Walaupun berdagang tanpa henti dari muda, sumbar harta hendaklah halal. Dengan bersumberkan rezeki yang tidak halal, neraka adalah tempat pembalasannya.

Berniaga bukanlah satu pekerjaan yang mudah. Berniaga diibaratkan seperti air yang pasang dan surut. Setiap perniagaan perlu ada matlamat dan guru sebagai pembimbing. Berniaga tanpa guru akan menyukarkan urusan jual beli. Nasihat guru dan orang tua perlu dijadikan panduan sebelum memulakan sesuatu perniagaan. Ini penting supaya tidak menyesal di hari kelak. Berniaga dengan membuat keputusan yang terburu-buru, mengikut hawa nafsu dan bongkak perlu dielakkan kerana membuka laluan ke neraka. Sebaliknya, bagi mereka yang berjaya melawan hawa nafsu, mindanya akan menjadi kuat dengan bersandarkan kepada pesanan daripada orang tua. Mereka juga akan mudah menerima bantuan. Dagang menasihati mereka yang ingin berjual beli supaya tidak bercakap kasar dengan pembeli. Peniaga perlu menjaga bahasa dengan pembeli bagi mengelakkan kerugian. Akibat tidak mengawal perasaan marah, pembeli akan lari walaupun barangan dijual dengan harga yang murah. Tutar kata yang manis perlu dijaga dalam urusan tawar-menawar. Urusan tawar-menawar perlulah dibuat dengan suara yang perlahan, terutama ketika berurusan dengan orang tua. Peniaga yang manis tutur katanya, akan disukai pembeli dan rezekinya akan bertambah-tambah.

Kini, rezeki dagang semakin bertambah. Dagang yang dahulunya miskin, kini semakin senang. Sanak saudara dagang yang dahulunya sombong terus datang melawatnya tanpa mengira tempat, sama ada yang jauh mahupun dekat. Sahabat dagang yang dahulunya renggang kini menjadi semakin rapat. Sahabat dagang yang dahulunya kurang bercakap kini banyak berkata-kata. Sahabat yang datang telah dilayan dengan baik tanpa diumpat oleh dagang. Dagang menegaskan, jika terdapat orang yang sedang mengumpat, jangan turut mengumpat. Sebaliknya, jika apa yang diumpat itu tidak benar maka perlu dilawan.

Dagang memberikan beberapa syarat ketika bersahabat, antaranya ialah jangan sesekali melihat kekayaan dan kedudukan tetapi biarlah bersahabat kerana Allah SWT. Sahabat juga perlu dilindungi dan dibantu kerana adat bersahabat telah diperkatakan dengan jelas menerusi hadis nabi terdahulu. Dagang meriwayatkan tentang perlunya berhati-hati ketika memilih kawan. Dagang mengesakan sikap sahabat yang tidak mengenang budi, walaupun telah dibantu dan diberikan pertolongan. Sahabat dagang yang dahulunya baik, kini berubah menjadi jahat dengan memalukan orang yang menolongnya. Ketika ingin berhutang, sahabat ini menunduk malu, tetapi selepas berhutang dimarahinya pula pemiutang. Segala bantuan tidak dikenang selepas berjaya. Barulah dagang memahami bahawa tiada guna memberikan bantuan kepada sahabat sebegini kerana segala kebaikan tidak dihargai. Sahabat yang jahat tidak mempunyai naluri untuk menolong orang, bermulut manis, suka membuat fitnah, pentingkan diri sendiri, tiada belas kasihan dan tidak mempercayai asal usulnya. Bagi dagang, kawan yang jahat akan memandang serong setiap kebaikan yang dilakukan.

Dagang mengingatkan orang-orang yang beriman tentang dekatnya hari akhirat. Oleh itu, hendaklah sentiasa menyebut kalimah "*Lailahaillallah*" berulang-ulang tanpa mengira malam atau siang. Kalimah "*Lailahaillallah*"

mempunyai banyak manfaat, antaranya akan memperoleh kebahagiaan, mendapat ganjaran syurga, dihindari fitnah dan diberikan syafaat oleh nabi. Menurut dagang, sesiapa yang meninggalkan firman Allah SWT, nescaya itulah ciri-ciri orang yang tidak beriman dan pembalasannya adalah neraka. Bagi mereka yang meninggalkan hadis, tubuhnya akan menjadi kehitaman bercampur kudis, digigit haiwan seperti lipan, ular, kala, dan akan ditelan api neraka dari kepala hinggalah ke betis. Azab Allah SWT begitu pedih dan hanya Allah SWT yang mampu memberikan pertolongan.

Dagang juga mengingatkan supaya menghindari perasaan syak wasangka kepada Allah SWT kerana segala amalan akan menjadi sia-sia. Prasangka terhadap Allah SWT perlu dijauhi kerana boleh merugikan diri sendiri. Pegangan agama hendaklah sentiasa teguh supaya tidak lalai dengan ganjaran dunia. Sebarang kesilapan akibat telanjur hendaklah diinsafi. Perkara yang buruk hendaklah dijauhi, manakala perkara yang baik perlu diikuti. Perkara baik hendaklah sentiasa ditegakkan. Bagi dagang, pembalasan bagi mereka yang menipu begitu pedih, iaitu mulut akan dihanguskan api neraka. Dagang juga menasihati supaya menjauhi sifat dengki sesama Islam. Sifat dengki seumpama menyekutui Allah SWT. Syair ini diibaratkan seperti cermin kerana dapat dijadikan iktibar, teladan, pengajaran, panduan untuk menilai kesempurnaan diri, mengambil perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang buruk. Perkara yang baik perlu disebar dan hanya Allah SWT yang akan memberikan ganjaran.

Kesimpulannya, sekiranya dagang mempunyai harta, pasti ramai saudaramara yang ingin mendekatinya. Dengan berharta, pasti ramai yang akan mengambil tahu dan menjadi pendengar yang baik. Jika mempunyai wang yang banyak, pasti ada yang bermasam muka kerana tidak dikongsikan bersama. Kini, dagang mengerti dan memahami bahawa wang yang banyak jika tidak dikongsi pasti akan dibenci. Oleh itu, bagi dagang apa yang diajarkan oleh seorang ibu sejak kecil hendaklah difikirkan, sabda nabi hendaklah didengarkan, firman Allah SWT hendaklah sentiasa diingati, dan segala suruhan hendaklah dilakukan. Bagi dagang, kehidupan seorang mukmin diibaratkan seperti cermin. Tempat mengetahui sama ada seseorang itu Muslim atau munafik. Hanya Allah SWT pemilik dan penguasa seluruh alam. Dagang mengajak masyarakat mengambil berat tentang syariat yang dibawa oleh nabi supaya tidak kecewa di hari akhirat kelak. Syair ini diakhiri dengan ucapan rendah diri. Pengarang berharap pembaca tidak mencela penulisannya. Jika terdapat sebarang kesilapan, pengarang memohon maaf kerana masih baharu dalam dunia penulisan. Karya penulis merupakan surat dari hati pengarang yang suka akan orang miskin. Pengarang mengakhiri penulisan dengan ucapan salam.

## **1.8 Definisi Operasional**

Dalam memantap dan memperkemas lagi fokus kajian, beberapa istilah yang akan digunakan sepanjang kajian akan dibincangkan. Lima istilah yang



akan diberikan takrifan secara jelas, mendalam dan terperinci ialah “**syair**”, “**manuskrip**”, “**transliterasi**” dan “**dakwah Islam**”.

### 1.8.1 Syair

Istilah “syair” boleh ditakrifkan sebagai karangan bersajak, iaitu setiap rangkapnya terdiri daripada empat baris yang sama bunyi di hujungnya. *Glosari Istilah Kesusasteraan* (2017: 324 - 325) mentakrifkan “syair” dari aspek dunia sastera, iaitu merujuk kepada bentuk puisi Melayu lama. Dengan takrifan ini, istilah “syair” boleh diklasifikasikan sebagai puisi Melayu tradisional yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Syair terdiri daripada empat baris, empat perkataan satu baris (7-12 suku kata), pola rima a-a-a-a dan setiap baris membawa makna kepada setiap rangkap. Aceh menjadi pelopor berkembangnya syair di serata tempat dengan munculnya ramai penyair hebat seperti Hamzah Fansuri dan seringkali dikaitkan dengan *Syair Dagang*. Hamzah Fansuri dilahirkan di Barus, Aceh dan hidup pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Tsani. Akibat perbezaan fahaman dan gagasan, pihak pemerintah yang diketuai oleh Nuruddin al-Raniri (penasihat sultan) telah menyerang kedudukan Hamzah Fansuri dan pengikutnya. Kesannya, kitab-kitab karya Hamzah Fansuri kebanyakannya telah dibakar di perkarangan Masjid Baitulrahman, Aceh. Namun begitu, beberapa karya Hamzah Fansuri telah berjaya diselamatkan oleh pengikutnya. Antaranya ialah *Syair Dagang* yang tersebar di serata Nusantara.

### 1.8.2 Manuskrip

Perkataan “manuskrip” merujuk kepada naskhah tulisan tangan. Istilah “naskhah” menurut *Kamus Filologi* (1995) boleh didefinisikan sebagai karya hasil tulisan tangan bertulisan Jawi dan bahan-bahan belum bercetak yang disediakan oleh pengarang seperti manuskrip, teks ucapan dan manuskrip novel. Istilah “manuskrip” juga merujuk kepada versi atau bahan sesuatu karya yang telah disediakan oleh penulis untuk dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku. Dalam konteks dunia sastera, istilah “manuskrip” ditakrifkan sebagai naskhah asal sama ada dalam bentuk tulisan tangan atau bertaip. Naskhah ini berada dalam keadaan belum dicetak dan tidak bercerai (*Glosari Istilah Kesusasteraan*, 2017: 186). Kini, istilah “manuskrip” digunakan untuk merujuk teks asal yang bertulis tangan. Manuskrip Melayu merakamkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Ilmu-ilmu yang terkandung dalam manuskrip meliputi ilmu keagamaan, politik, sosial, ekonomi dan ketatanegaraan. Kebanyakan manuskrip Melayu telah ditulis dalam tulisan Jawi. Oleh itu, usaha untuk merumikan manuskrip daripada tulisan Jawi kepada Rumi perlu dipergiatkan bagi memperhalusi kandungan teksnya. Kesannya, kerja-kerja penelitian para penyelidik dan pengkaji manuskrip menjadi semakin mudah. Pemilihan atau pencarian manuskrip boleh dibuat di perpustakaan, arkib dan muzium-muzium berdekatan berpandukan katalog yang disediakan sama ada secara manual atau digital. Bagi pencarian manuskrip secara digital, pengkaji hanya perlu menaip kata kunci yang terdapat pada ruangan katalog yang disediakan.

Maklumat seperti latar belakang manuskrip, keadaan manuskrip, gambar manuskrip akan diperolehi. Terdapat empat versi manuskrip *Syair Dagang* yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), iaitu *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160), *Syair Anak Dagang* (MSS 3303), *Syair Anak Dagang* (MSS 3532) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3862). Keempat-empat versi manuskrip ini belum pernah ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada Rumi. Penggunaan perkataan “dagang” oleh para pengkaji adalah bersesuaian dengan kandungan dan jalan cerita yang terdapat dalam manuskrip *Syair Dagang*. Perkataan “dagang” merujuk kepada watak perantau yang diriwayatkan sebagai seorang “dagang”. Perkataan “dagang” telah digunakan untuk menggambarkan tentang seseorang yang menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran ketika di perantauan. Dagang terpaksa meninggalkan keluarga dan saudara-maranya di kampung semata-mata ingin mencari rezeki di tempat orang. Dagang telah menempuh pelbagai ujian dan cabaran sepanjang pengembaraannya. Penggunaan kata “anak dagang” pula merupakan satu penanda bagi kepengarangan dahulu kala. Dalam hal ini, kata “anak dagang” telah digunakan dengan meluas oleh penulis-penulis Melayu lain berpandukan kepada karya-karya syair Hamzah Fansuri.

### 1.8.3 Transliterasi

Transliterasi boleh didefinisikan sebagai penukaran huruf atau perkataan daripada sesuatu abjad kepada abjad lain yang selaras bunyinya, misalnya huruf Arab kepada huruf Rumi (*Kamus Dewan Perdana*, 2020: 2403). Pentransliterasi pula bermaksud orang yang melakukan kerja-kerja transliterasi, manakala mentransliterasikan boleh didefinisikan sebagai membuat transliterasi terhadap sesuatu huruf atau perkataan. Berdasarkan definisi transliterasi yang dikemukakan, dapatlah diringkaskan bahawa transliterasi ialah pemindahan dari satu tulisan kepada tulisan yang lain. Transliterasi bukan sahaja satu proses pemindahan tulisan, tetapi banyak memberikan manfaat dari aspek perkembangan ilmu, membaca dan penguasaan pelbagai tulisan. Bagi mentransliterasi manuskrip bergenre syair, penelitian dan penyusunan teks amat dititikberatkan supaya baris-baris syair dapat disusun berdasarkan ciri asas sesebuah syair. Contohnya, empat baris satu rangkap dan mempunyai rima akhir yang sama. Proses-proses penyusunan memerlukan kesabaran dan tumpuan penuh daripada pengkaji. Transliterasi membolehkan pembaca yang tidak boleh membaca Arab menguasai sebutannya dan seterusnya meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelbagai bidang ilmu. Transliterasi juga melibatkan penggunaan pelbagai simbol seperti simbol penambahan huruf [a] dan simbol pengguguran huruf (a). Simbol-simbol yang digunakan memainkan peranan yang penting terutama kepada pengkaji atau penyelidik kerana akan memberikan pemahaman yang lebih jelas terhadap sesuatu teks manuskrip yang dikaji.

### 1.8.4 Dakwah Islam

Perkataan “dakwah” boleh ditakrifkan sebagai kegiatan untuk menyeru dan

menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Tujuan dakwah adalah untuk menyeru manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dakwah memerlukan kesabaran dan keyakinan yang tinggi. Untuk itu, kepatuhan golongan dakwah terhadap ajaran agama Islam akan kelihatan sempurna dari aspek tingkah laku, pergaulan dan cara berpakaian. Istilah “berdakwah” merujuk kepada kegiatan menyebarkan sesuatu kepercayaan yang dijalankan oleh orang atau golongan pendakwah (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2014: 305). Perkataan “Islam” pula boleh didefinisikan sebagai agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW dan terdiri daripada lima rukun, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan fardu haji bagi mereka yang berkemampuan. Dakwah Nabi Muhammad SAW dilakukan selama 13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah. Dakwah baginda menjadi ikutan, teladan dan panduan sehingga kini. Kehebatan dakwah baginda tiada tandingan kerana Islam berkembang dengan pesatnya di seluruh dunia. Tiga pendekatan dakwah yang menjadi ikutan sehingga kini ialah bersumberkan daripada al-Quran (Surah *al-Nahl*, 16:12), iaitu *al-hikmah*, *al-mawizah al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Pendekatan dakwah baginda begitu berkesan sehingga mampu membuka hati raja-raja serta pemerintah terdahulu untuk menerima Islam tanpa pertumpahan darah dan peperangan.

Manusia yang dilahirkan ke dunia mempunyai tanggungjawab dan tugas yang perlu dilakukan, iaitu menyeru manusia supaya melakukan kebaikan, mencegah manusia daripada melakukan keburukan, beriman dengan sentiasa menjaga serta mengusahakan imannya supaya bertambah dan tidak lemah. Dalam dakwah, umat Islam perlu menjadikan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat sebagai ikon dakwah. Rasulluallah SAW mengajarkan kepada kita untuk selalu mengedepankan akhlak atau perilaku yang baik kepada semua orang (Siti Khofifah, 2020: 144). Tiada manusia sehebat Rasulluallah SAW dengan sifat kelembutan, pemaaf, menyayangi golongan lemah, mencintai anak-anak yatim, membela wanita dan orang tua, suka membantu, hidup dalam kesederhanaan dan paling bertakwa kepada Allah SWT (Mohamed Sabir Jamaludin, 2018: 366). Oleh itu, seorang da'i seharusnya mempunyai sifat sabar, penuh hikmah, contoh dan teladan yang baik, lemah-lembut, ramah-tamah dan kasih-sayang. Dakwahnya juga haruslah jelas dengan menanam tentang kebesaran Allah SWT dan mencintai sunah Nabi Muhammad SAW. Seorang pendakwah juga harus menyeru manusia bersolat dengan khusyuk dan tawaduk, menghasilkan ilmu Ilahi dan menghubungkan diri kepada Allah SWT.

Pengembaraan seorang dagang boleh dikaitkan dengan pengembaraan seorang sufi. Berdasarkan konsep ini, hakikat manusia yang hidup di dunia dianggap sebagai orang asing (*ghrib*) yang sedang merantau mengumpul bekalan. Istilah “bekalan” pula merujuk kepada amal ibadah dan amal soleh yang akan dibawa bersama-sama ke kampung halamannya, iaitu di akhirat. Seterusnya, dari aspek perlambangan atau metafora pula, perkataan “dagang” merujuk kepada seorang pengembara yang sedang bermusafir berdakwah di jalan Allah SWT. Kehidupan seorang pendakwah serba kekurangan dan hanya mengharap keredaan dan kasih sayang daripada Allah SWT. Kerendahan

dan kesedaran diri yang menebal terhadap agama Islam memperlihatkan perilaku atau akhlak yang baik sebagai seorang manusia yang beradab, sopan santun, jujur, amanah dan sebagainya.

## 1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, pemilihan bahan, sinopsis *Syair Dagang* (SD), definisi operasional dan kesimpulan bab. Perbincangan tentang definisi operasional melibatkan makna syair, manuskrip, transliterasi dan dakwah Islam. Sinopsis *Syair Dagang* pula melibatkan ringkasan jalan cerita yang terdapat dalam manuskrip *Syair Dagang* yang telah ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada Rumi. *Syair Dagang* merupakan sebuah karya kesusasteraan Melayu tradisional bergenre sastera keagamaan. *Syair Dagang* juga kaya dengan nasihat, teladan, pengajaran, hukum-hakam tentang Islam yang boleh dimanfaatkan. Bab seterusnya akan membincangkan Bab Sorotan Literatur.

## RUJUKAN

- A. Hasjmy. (2019). *Ruba'l Hamzah Fansuri Karya Sastra Sufi Abad XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.I. Sholihin. (2013). *Buku Pintar Ekonomi Syariah*. Indonesia: Gramedia Pustaka Utama.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2003). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2015). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Halim Mohamad. (2011). *Unsur-unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri*. Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation 29(2). 67-82.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2002). *Aspek Penggunaan Bahasa dalam Warkah-Warkah. Melayu Lama: Satu Kajian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi W.M. (2002). *Wawasan Sastra Hamzah Fansuri dan Estetika Sufi Nusantara*. Jakarta: Seminar Internasional Tapak Sufi Hamzah al-Fansuri. 18 21.
- Abdul Hadi W.M. (2003). *Hamzah Fansuri Risalah Tasawuf dan Puisi-puisinya*. Penerbit Mizan: Khazanah Ilmu-ilmu Islam.
- Abdul Karim Zaydan. (1972). *Usul al-Da'wah*. Cet.2: Matba'ah Salman al-Azmi.
- Abdul Karim Zaydan. (1991). *Al-Madkhali Li al-Dirasah al-Syar'iyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Karim Zaydan. (2002). *Islam dan Dakwah (Usul al-Da'wah)* (ter. Ust Solehan bin Ayub). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (2016). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Munir Ismail. (2014). *Dakwah Islam dan Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Munir Ismail. (2017). *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

- Abdul Rahman Keah, Abu Hassan Sham & Noriah. (1995). *Kamus Filologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rauf Syalabi. (1981). *Al-Da'wah al-Islamiyyah fi Ahdiha al-Makki*. Mesir: Al-Fajr al-Jadid.
- Abu Hassan Sham. (1995). *Syair-syair Riau: Kaedah Penyuntingan Teks dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ade Iqbal Badruzaman. (2018). *Teori Filologi dan Penerapannya Masalah Naskah-Teks dalam Filologi*. Jumannara Vol. 9 No.2.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad, Hirman Mohamed dan Norhafiza. (2016). *Penyeragaman Sistem Ejaan Jawi di Negara Asean*. *Jurnal Linguistik* Vol. 20 (2) 2016 (026-032).
- Ahmad Rijal Nasrullah. (2018). *Substansi dan Metodologi Filologi dalam Naskah Kumpulan Mentera*. Jumannara Vol. 9.
- Ahmad Zaini. (2017). "Retorika Dakwah Mamah Dedeh dalam Acara "Mamah & Aa Beraksi di Indonesia". *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*. Volume 11. Nomor 2. 219-234.
- Akhmal Hj. Mohd. Zain (2017). *Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Al- Hidayah House of Publisher Sdn. Bhd.
- Alfiyani & Asep Purwo. (2020). *Analisis Tindak Tutur Direktif Pada Ceramah Ustaz Abdul Somad Edisi Tanya Jawab Kajian Musawarah Bersama Artis Hijrah*. Indonesia: Estetik Jurnal Bahasa Indonesia, vol. 3, no. 2.
- Al-Habib Umar ben Hafiz. (2019). *Asas Dakwah Menurut Tradisi Hadramaut* (terj. Fawzan Najib & Fauzul Fitri). Kuala Lumpur: Apologia PLT.
- Ali Ahmad, Siti Hajar & Jalani Harun. (2007). *Tasawwur Islam dalam Kesusasteraan. Melayu Tradisional*. Penerbit: Universiti Sains Malaysia.
- Amrina Rosyada .(2020). *Etika Komunikasi Dakwah: Studi Terhadap Video Kajian Ustaz Abdul Somad tentang K-Pop dan Salib*. Indonesia: Jurnal Ilmu Dakwah Volume 40 No.2.
- Ana Meriyana. (2020). "Retorika Dakwah Ustad Muh. Nur Maulana dalam "Islam itu. Indah di Trans Tv". Indonesia: Universiti Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asri Zainul Abidin. (2020). *Mukadimah Ilmu di dalam Memahami Hadis Nabinya*. Perlis: Jabatan Mufti Perlis.
- Arik Aranta, Fitri Bimantoro, Putu Teguh. (2020). *Penerapan Algoritma Rule Base dengan Pendekatan Hexadesimal pada Transliterasi Aksara Bima Menjadi Huruf Latin* JTICA, Vol. 2, No. 1.
- Attabik. (2015). *Konsep Komunikasi Dakwah Persuatif dalam Perspektif Al-Quran*. Jurnal At-Tabsyir Komunikasi Penyiaran Islam. Vol. 2 No. 2 Julai-Disember.
- Awang Sariyan. (2004). *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pendidik dan Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azniwati, Rasmina & Wan Amir etl. (2018). *Penerapan Naqli dan Aqli: Kajian terhadap Kurikulum Program Tamhidi Syariah dan Undang-undang*. Journal of Islamic. Social, Economics and Development. Volume: 2 Issue: 6.
- Biya Ebi & Felix Baskara. (2020). *Metode Transliterasi untuk Meningkatkan Kemampuan Membaca Aksara Jawa di Program Studi Pendidikan Guru Sekolah Dasar*. Jurnal Nalar Pendidikan. Volume 8, Nombor 1, Jan-Jun 2020.
- Braginsky V.I (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Devi Fauziyah Ma'rifat. (2014). *"Syair Jawi: Manuskrip Ambon"*. Balai Bahasa Provinsi Riau. Madah, Volume 5, Nomor 1, Edisi April.
- Endang Novita. (2020). *"Konten Dakwah Ustaz Abdul Somad di Media Youtube dalam Membentuk Akhlakul Karimah Terhadap Generasi Milenial"*. Tesis. Indonesia: Universiti Islam Negeri, Raden Intan Lampung.
- Ervin Hartono (2017). *"Syair Makrifat dan Syair Dagang: Suntingan Teks dan Analisis Semiotik"*. Tesis. Indonesia: Falkultas Ilmu Budaya, Universitas Sebelas Maret Surakarta.
- Fatihah. (2019). *Konsep Etika dalam Dakwah*. Jurnal Ilmu Dakwah. 38 (2): 241.
- Glosari Istilah Kesusasteraan. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Furqan Ansari. (2005). *Pedoman Tabligh*. Selangor: Klang Book Centre (KBC).

- Haron Din (2010). *Manusia dan Islam* (Jilid 1). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Haron Din (2010). *Manusia dan Islam* (Jilid 2). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Haron Din (2010). *Manusia dan Islam* (Jilid 3). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Harun Mat Piah. (1997). *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. (2016). *Kaji Ilmu Perkasihan Melayu*. Berita Harian.  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/10/200603/kaji-ilmu-perkasihan-melayu>
- Haslina Baharom. (2008). *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1-2.
- Hamdan Daulay & Evi Septiani T.H. (2020). *Komunikasi Dakwah dalam Penguatan Wawasan Keislaman Remaja*. Kalijaga Journal of Communication: vol, 2, No. 1.
- Hamidah Wahab. (2013). Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 1(1), 2013: 87-97.
- Hamka. (1981). *Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (1990). *Tasawuf Modern*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Haryadi. (2012). *Sufisme dalam Syair Hamzah Fansuri*. Indonesia: Fakulti Bahasa dan Seni Universitas Negeri Yogyakarta. LITERA:Volume 11, Nomor. 2.
- Hamka. (2020). *Tafsir Surah An-Nahl dan Juzuk*. Selangor: PTS Publishing House. Sdn. Bhd.197-198.
- Hasbi Ash-Shiddieqy. (1992). *Ilmu-ilmu al-Quran: Media-media Pokok dalam Menafsirkan al-Quran*. Jakarta: Bulan Bintang.7.
- Hazwan, Akhiruddin dan Asyraf, et al. (2017). *Integrasi Naqli & Aqli dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Tinjauan Terhadap Aktiviti Kursus Bahasa Arab di Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia*. Selangor: Seminar Antarabangsa Pengajian Lepas Ijazah Kali ke-4 SAPU 2017 Pusat Pengajian Siswazah (PPS) KUIS.
- Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Abdul Rahman. (2013). *Survival Entrepreneur Muslim Berdasarkan Manuskrip 'Syair Dagang Adanya'*.
- Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). 179-191.



- Ibn, Kathir. Abu al-Fidl Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaheerah: Dar al-Sya'ab.
- Idris Zakaria. (2012). *Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu*. Jurnal Hadhari Special Edition. 91-108.
- Ismail Hamid. (1995). *Asas Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ibrahim. (1996). *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Darul Makrifat.
- Jamdin Buyong. (2017). *Rona-Rona Bahasa Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun (2015). *Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah Karya Agung Terengganu*. International Journal of the World and Civilisation (Iman) 3(2), 2015:2-15.
- Kamilin Jamilin. (2020). *Muhammad SAW Insan Paling Sempurna Pernah Dilahirkan*. Karya PiS. Sdn. Bhd, Selangor.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa*. (2001). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kamus Filologi*. (1995). Indonesia: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Kamus Kebalikan Dewan*. (1995). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Kesusasteraan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Louis Ma'luf. (1927). *Al-Munjid fi al-Laughah wa al-Adab wa al-ulum*. Beirut: al-Maktabah al-Khatulikiyyah.
- M. Natsir. (1996). *Fiqh Dakwah*. Jakarta: Yayasan Capita Seleкта.
- Mahmud Yunus. (2008). *Tafsir Mahmud Yunus Al-Quran Nul-Karim Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Klamg Books Centre.
- Mahyuddin, Adnan & Asiah et al. (2018). *Konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dan Perbandingannya dengan Islamisasi*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (Special Issue) December 2018, no ISSN 2590-3799.
- Masitah Esa, Amini & Siti Suhaila. (2017). *Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal*. Tinta Artikulasi Membina Ummah. 3(2) 26-37.

- Maturidi & Arifin Zain (2021). *Model Bimbingan Nabi Muhammad SAW dalam Melakukan Kaderisasi Pemimpin*. Al-Imarah: Jurnal Pemerintahan dan Politik. Islam. Vol. 6, No.1.
- Mazharudiin Abdul Razak. (2003). *Khulasoh Da'wah dalam Tabligh*. Johor Bahru: Mofaster Printing Sdn. Bhd.
- Mega Cynthia. (2020). *Pesan Dakwah dan Gaya Bahasa Pada Lirik Lagu "Sebujur Bangkai" Rhoma Irama*. Volume: 02- No. 01.
- Mira Fauziah. (2013). *Pemikiran Tasawuf Hamzah Fansuri*. Jurnal Substantia Vol 15, No. 2. 292.
- Moh. Ali Aziz. (2004). *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Kencana Prenada Media.
- Moh Amin dan Bambang Sugiyanto. (2021). "Perkembangan Dakwah Islam pada Masyarakat Tradisional: Studi Kasus Desa Kedungwringin, Kebumen". *Revolusi* Vol.4, No.1.
- Mohamad Abu Bakar (2010). *Metodologi Dakwah Rasulluallah SAW di Peringkat Permulaan di Mekah: Aplikasikannya di Singapura*. Tesis Sarjana: Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamed Sabir Jamaludin. (2018). *Cabaran Dakwah 25 Rasul*. Selangor: Aras Mega Sdn. Bhd.
- Mohd Fauzi. (2017). *Sifat dan Ciri-ciri Seorang Muslim (Siri 1)*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn.Bhd.
- Mohd Fauzi. (2017). *Sifat dan Ciri-ciri Seorang Muslim (Siri 2)*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn.Bhd.
- Mohd Sukki Othman. (2014). *Rasulluallah dan Khulafa' Al-Rasyidin Sanjungan Umat Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2009). *Zawiyah Shaykhuala: Pusat Penyebaran Islam di Alam Melayu Abad ke-17 Masihi*. Sari-International Journal of Malay World and Civilisation 27(2): 87-118.
- Mohd Taufik Arrinzo (2014). *Syair Ma'krifat: Mencanai Mutiara Memperkasa Agama*.Universiti Malaya: Jurnal Melayu.
- Muhammad Al-Ghazali. (1994). *Fi-Maukibi ad-da'wah*. t.tp: t.tp.
- Muhammad Amahzun. (2004). *Manhaj Dakwah Rasulluallah*. Jakarta: Qisthi Press.
- Muhammad, Kusnadi & Asriadi. (2020). *Studi Naskhah Pemikiran Dakwah Muhammad Ahmad Al-Adawy*. Volume 18, No. 2.

- Muhammad Norrudin & Mat Ariffin. (2017). *Cara Mudah Menguasai Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusof Marlon. (2018). *Dakwah Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Dar Al Wahid Publication.
- Muhd. Najib, Mabruri & Latifah. (2013). *Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim a.s.* ISLAMIYYAT. 35(2): 57-66.
- Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). *Kesusasteraan Melayu Tradisional Sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis*. Jurnal Komunikasi Malaysia *Journal of Communication*. Jilid 31(2): 183-194.
- Nasrun Salim Siregar. (2016). *Problematika Pemahaman Ajaran Agama Islam dalam Naskah Serat Kadis: Kajian Filologi*. Vol.12. *New Oxford Dictionary*. (2003). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa et al. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa et al. (2016). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norihan Ab. Aziz (2018). *Kebijaksanaan dalam Strategi Perang Berdasarkan Syair Perang Mengkasar*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Raudah Siren (2015). *Retorik Penulisan Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Raudah Siren, Badlihisam & Rohaily. (2016). *Retorik Al-Mujadalah Nabi Ibrahim a.s. di dalam Al-Quran*. QURANICA, International Journal of Quranic Research. Vol. 8, Issue. 1, 73-90.
- Nur Said. (2016). *Meneguhkan Islam Harmoni Melalui Pendekatan Filologi*. Fikrah: Jurnal Aqidah dan Studi Keagamaan. Volume 4 Nombor 2.
- Nur Syam. (2020). *Paradigma dan Teori Ilmu Dakwah: Perspektif Sosiologis*. Jurnal Ilmiah Syiar. Jurusan Dakwah, FUAD, IAIN Bengkulu. Vol. 20, No. 01, Januari-Jun hlm.01-18.  
<https://ejournal.iainbengkulu.as.id/index.php/syiar>
- Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan. Bahasa dan Pustaka.
- Putu Wahyu, Arik & Fitri. (2021). *Rancang Bangun Aplikasi Transliterasi Aksara Latin Menjadi Aksara Sasak Menggunakan Algoritma Rule Based Berbasis Android*. JTika Vol. 3 , No.2 (ISSN: 2657-0327).

- Rizki Ramadhan Nasution. (2020). *“Metode Komunikasi Dakwah dalam Bimbingan Rohani Islam Bank Syariah Mandiri untuk Peningkatan Produktivitas Perusahaan”*. Tesis Indonesia: Universitas Islam Negeri (UIN).
- Rohaily @ Abd Rahman Hamid & Nur Raudah Siren. (2018). *Manhaj Dakwah Nabi. Ibrahim a.s. Menurut al-Quran dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini*. Jurnal Usuluddin. 46 (1): 23-44.
- Rohaimi Rastam, Yusri Mohamad dan Syukri Yeoh (2017). *Penilaian Terhadap Pengajaran Syariat Islam oleh al-Hallaj, Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatran'i*. International Journal of Islamic Thought. Vol. 12 (Dec).
- Rosdi dan Nik Salida. (2017). *Kurikulum Teras Program Pengayaan Pelajar Pintar . Berbakat Berteraskan ntegrasi Ilmu Naqli dan Aqli: Kajian Kes Kolej Permata. Insan dalam Proceeding Kongres Pendidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. (Ecna 2015)*. Selangor:
- Sayyid Qutub. (1971). *Fi Zilal al-Qur'an*. Jilid 5. Beirut, Lubnan: t.p. Penerbit.
- Sayyid Qutub. (1982). *Tafsir fi Zilal Al-Qur'an Terjemahan*. Beirut: Dar al-syuruq. Juz 1 h187.
- Sayyid Muhammad Alawi. (2019). *Kenal Untuk Cinta Biografi Lengkap Rasulluallah SAW*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Sehat Ihsan Shadiqin. (2008). *Tasawuf Aceh*. Bandar Publishing Banda Aceh.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (1992). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada. Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM.
- Siti Baroroh Baried, Siti Chamamah Soeratno dan Sawoe .etl.. (1985). *Pengantar Teori Filologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departeman dan Kebudayaan.
- Siti Fatimah. (2019). *Pengarang Perlu Jadi Pendakwah Sebenar, Seru Kebenaran* (Kamariah Kamaruddin). Berita Harian: Sastera 2 Julai.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1999). *Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Peranan Filologi*. Akademika 54 (Januari): 147-155.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1994). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas: Sejarah Pengkajian dan Sifatnya*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Khofifah. (2020). *Model Komunikasi Dakwah di Desa Larangan Badung Kacamatan Pelengaan Kabupaten Pamekasan*. Meyarsa, Vol. 1 No. 1.
- Siti Ruqayyah. (2021). *“Pesan Dakwah dalam Lirik Lagu ”Ampuni Dosaku” Karya Inka Christie”*. Tesis. Indonesia: Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.

- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1970). *"The Mysticism of Hamzah Fansuri"*. University of Malaya Press.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1971). *"Concluding Postscript to the Origin of the Malay. Sha'ir"*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syihaabul Huda. (2019). *Transliterasi, Serapan dan Padanan Kata: Upaya Pemaakhiran Istilah dalam Bahasa Indonesia*. Volume 2, Momor 1, Mei 2019. ISSN (Online): 2021-0851.
- Tri Djoyo Budiono. (2020). *Pola Argumentasi dalam Metode Dakwah Mujadalah Nabi Ibrahim*. INTELEKSIA: Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah. Volume 02 – No. 01.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2017). *Merintis Kampus Barakah*. Bandar Baru Nilai: Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK).
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2017). *Seminar Antarabangsa Pengajian Lulusan Ijazah Kali ke-4 SAPU*. Pusat Pengajian Siswazah (PPS) KUIS.
- Uswatun Ni'ami. (2020). *Aktualisasi Dakwah di Era Globalisasi (Dalam Menegakkan Syariat Islam)*. Ulul Albab Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan. Volume 07No. 02.
- Wahbah al-Zuhaili. (1991). *Al-Tafsir al-Munir Fi'al-Aqidah al-Syar'iyyah al-Manhaj*, Jil. 14. Bairut: Dar al-Fikr.
- Wan Hussein. (1984). *"Perkembangan Dakwah Islamiah di Alam Melayu", Isu Dakwah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Selangor: PDMTT.
- Wan Hussein. (1994). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hussein Azmi. (1980). *"Perkembangan Dakwah Islamiah di Alam Melayu", Isu Dakwah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Selangor: PDMTT.
- Wan Sofiah & Zulkefli Aini. (2019). *Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Karya Hamka*. Al-QANATAR International Journal of Islamic Studies. Vol. 13, No.1.
- Yuslina, Haslina & Mesbahul et al. (2018). *Integrasi Naqli dan Aqli dalam Pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*. ISLAMIIYAT 40 (20) : 105 – 113.
- Yusof Marlon dan Abdul Hamid. (2018). *Dakwah Masyarakat Majmuk*. Dar Al Wahi Publication.

- Yusri Ramli, Syukri Yeoh & Zuliskandar Ramli. (2020). *Wacana Estetika Rasa dan Makna dalam Ruba'i Hamzah Fansuri*. Jurnal Arkeologi Malaysia. Vol. 33 (Isu Khas), hlm. 17-26.
- Zahir Ahmad. (2005). *Peranan Sastera Islam dalam Pembentukan Akhlak\* Penduduk. Alam Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 15.
- Zainal Abidin. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria. (2013). *Dakwah Sufistik Hamzah Fansuri (Kajian Substantif Terhadap Syair Perahu)*. Jurnal Ilmiah Islam Futura. Vol. 13. No. 1, 105-126.
- Zetty Nurzuliana Rashed & Halim Tamuri. (2015). *Kepentingan Integrasi Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli dalam Pendidikan Pengajaran Pendidikan Islam*. E-Jurnal Pendidikan 2: 1- 30.
- Zhengshuan Li, Fengyue Liu & Xiaoying Jia. (2022). *A Sketch of the Translation History of Tibetan Gnostic Verses (1269-2021)*. The Educational Review, USA, 2022, 6 (3), 75-85.
- Zurina Abdullah. (2017). *Analisis Morfologi dalam Syair Perahu*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2017).

## BIODATA PELAJAR

Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman dilahirkan pada 23 September 1987 di Hospital Besar Kuala Terengganu. Kecenderungan terhadap manuskrip Melayu bermula ketika melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Persuratan Melayu (2007-2010). Penerokaan terhadap manuskrip Melayu berlanjutan ketika praktikal di Bahagian Koleksi Asia Tenggara (KAT), Perpustakaan Negeri Terengganu. Rentetan itu, pelbagai manuskrip Melayu yang telah ditransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada Rumi seperti empat versi manuskrip *Syair Dagang* yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), iaitu *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160), *Syair Anak Dagang* (MSS 3862), *Syair Anak Dagang* (MSS 3303) dan *Syair Anak Dagang* (MSS 3532). Selain itu, usaha transliterasi dan membaik pulih manuskrip Melayu dari Terengganu turut giat dilakukan terutama kitab-kitab yang tersimpan di Koleksi Asia Tenggara (KAT), Perpustakaan Negeri Terengganu. Kitab-kitab ini merupakan milik seorang tokoh Terengganu, iaitu Dato' Purba DiRaja dan kini dijaga rapi oleh pihak berwajib.

## SENARAI PENERBITAN

### Artikel

- Muhaimi & Mahzan (2013). "*Kesan Penggunaan Animasi Statik Berdialog ke Atas Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah*". Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhaimi, Maimum Aqasha & Fuad (2014). "*Peranan Muzium Negeri Terengganu dalam Mengekalkan Sejarah Ketamadunan dan Ulamak di Terengganu*". The 5th International Conference of ASEAN Studies on Education Technology and Religious Cultures UKM-POLIMED 2014. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhaimi & Salmah Jan (2019). "*Pengalaman Pengembaraan dalam Syair Dagang Adanya (MSS 3160)*". Jurnal Filologi Melayu. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- Muhaimi & Salmah Jan (2020). "*Morphological Analysis in "Syair Dagang" (MSS 3160)*". *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 1104-1112.
- Muhaimi & Salmah Jan (2020). "*Interpretasi Dakwah Berdasarkan Syair Dagang (MSS 3160)*". Penerbit: Kaizentrenovation Sdn. Bhd (1167478-D).
- Muhaimi, Salmah Jan, Kamariah & Rozita (2021). "*Manhaj Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Manuskrip Syair Dagang*". E-Jurnal IPM. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Muhaimi & Salmah Jan (2021). "*Syair Dagang Adanya: Pemilihan dan Kriteria Calon Pemimpin*". Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu 2021 (SEMALU 2021).
- Muhammad, S.J.N, Jelani, J.P, Rahman, N.S.A, Abd Rahman, M.M, Puteh, C.N.C, Rahim, A.A. (2021). "*Analysis of Effect Fruits in Medical Studies: A Study on Malay Communities*". *International Journal of Modern Agriculture*, Volume 10, No.2.

### Tesis

- Muhaimi. (2013). "*Muzium Sebagai Pusat Pendidikan Komuniti: Kajian Terhadap Faktor Pendorong, Pengetahuan, Persepsi dan Manfaatnya kepada Pengunjung*". Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhaimi. (2021). "*Transliterasi dan Interpretasi Dakwah dalam Syair Dagang*". Selangor: Universiti. Putra Malaysia.



## Editorial

Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 1* (SJKC) kegunaan tahun 2017, Buku Latihan Jilid 1 dan Jilid 2. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Ketidakupayaan Penglihatan Tahun 2* kegunaan tahun 2018. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Ketidakupayaan Penglihatan Tahun 3* kegunaan tahun 2019. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Ketidakupayaan Penglihatan Tahun 4* kegunaan tahun 2020. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Sejarah SJKT Tahun 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Ketidakupayaan Penglihatan Tahun 5* kegunaan tahun 2021. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Ketidakupayaan Penglihatan Tahun 6* kegunaan tahun 2022. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Pendidikan Seni Visual (MP) Tahun 6* kegunaan tahun 2022. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buku Teks *Ketidakupayaan Penglihatan Tahun 2-6* (Edisi Semakan) kegunaan tahun 2023. Dewan Bahasa dan Pustaka.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT  
AND COPYRIGHT

ACADEMIC SESSION : Semester Kedua 2021/2022

TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :

Pendekatan Dakwah dalam Manuskrip Syair Dagang

NAME OF STUDENT :

Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as:

\*Please tick (✓)

**CONFIDENTIAL**

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for:



**PATENT**

Embargo from \_\_\_\_\_ until  
(date) (date)

**Approved by:**

\_\_\_\_\_  
(Signature of Student)  
New IC No/ Passport No.:

Date : 19/9/2022

\_\_\_\_\_  
(Signature of Chairman  
of Supervisory Committee)  
Name: Salmah Jan binti Noor  
Muhammad

Date : 19/9/2022

**[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization/institution with period and reasons for confidentiality or restricted.]**

